



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWANNEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

Jilid IV

Bil. 12

Hari Selasa

26hb Julai, 1994

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAH-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDAHG UNDAHG

Rang Undang—undang Insurans (Pindaan) 1994 (Ruangan 44)

Rang Undang-undang Penggalakan Pelabuaran (Pindaan)
(No. 2) 1994 (Ruangan 77)

Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 (Ruangan 95)

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1994 (Ruangan 118)

USUL:

Pindaan Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah
Peraturan Mesyuarat 13 (2) - (Ruangan 43)
Rang Undaag-undang Pembangunan Mineral 1994
dijadual susun semula sebagai No.3

DN.26.7.94

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 27hb Julai, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PEGUAM-PENGURANGAN BAYARAN GUAMAN

1. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada wujud tindakan tidak beretika oleh badan-badan profesional seperti peguam swasta yang mengurangkan bayaran guaman mereka semata-mata untuk mendapat pelanggan atau business dan jika benar apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang melanggarkodetikaprofesionmereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang

[**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaatar Albar**]: Tuan Yang di-Pertua, peguam swasta adalah dikawal oleh Majlis Peguam di bawah peruntukan Akta Profesion Guaman 1976. Tindakan peguam swasta yang mengurangkan bayaran guaman mereka semata-mata untuk mendapat pelanggan atau 'business' adalah satu tindakan yang tidak beretika. Tindakan sedemikian dianggap, dengan izin, 'unprofessional and improper conduct'.

Aduan secara bertulis boleh dibuat kepada Lembaga Disiplin yang ditubuhkan mengikut seksyen 93 Akta Profesion Guaman 1976. Jika Lembaga Disiplin mendapati aduan berkenaan benar, maka Lembaga boleh mengenakan penalti terhadap peguam berkenaan mengikut seksyen 103 Akta Profesion Guaman 1976.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) - BILANGAN YANG DITAHAN

2. **Tuan Hanipah bin. Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) berapa ramaikah yang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan berapa ramaikah yang sudah dibebaskan sejak tahun 1990 hingga sekarang; dan
 - (b) adakah kerajaan bercadang membuat apa-apa pindaan kepada Akta ISA supaya lebih mantap, jika ya, apakah pindaan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka

Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada masa ini terdapat seramai 29 orang yang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Sementara itu, seramai 288 orang telah dibebaskan sejak tahun 1990.
- (b) Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan untuk membuat apa-apa pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas perilaku dua orang warganegara Malaysia, seorang antaranya telah melawat negara Israel tempoh hari dan seorang lagi sedang berada di negara Thai menjalankan dakyah-dakyah untuk

mencetuskan suasana keadaan sosial atau politik yang tidak aman bagi negara Malaysia. Kedua-dua orang ini masih berada di luar negara. Berkemungkinan pada satu tarikh yang tidak dapat ditentukan kedua-dua ini akan pulang semula ke negara Malaysia. Adakah kemungkinan di atas kesalahan-kesalahan yang diperlakukan, kerajaan akan bertindak untuk mengambil tindakan dengan mengenakan Akta ISA ataupun apakah akta-akta lain yang boleh dikenakan kepada dua orang warganegara Malaysia yang terlibat dengan melanggar undang-undang negara?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ISA ini adalah bertujuan untuk membanteras segala bentuk ancaman sama ada komunis, anasir subvertif, puak pelampau atau gangguan kepada "perkhidmatan perlu" ataupun mereka yang cuba mengganggu pertumbuhan ekonomi kita.

Jadi, untuk kedua-dua orang yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat kerana memasuki ke Israel dan Thailand, pihak Polis akan siasat untuk menentukan apakah kesalahan, kalau sekiranya ada dan sudah berlaku, dan kemudian dari situlah baru pihak berkuasa boleh membuat keputusan akan mengambil apa tindakan terhadapnya.

MTDC/CEPACS - PERANAN DI PERSIDANGAN ILO

3. **Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada:

- (a) Kesatuan-kesatuan Pekerja (Trade Unions) dapat menyatupadukan pekerja-pekerja;
- (b) berapakah persatuan sekerja yang bergabung dengan MTUC; dan
- (c) adakah CEUPACS dapat memainkan peranannya sebagai Kesatuan Pekerja yang terdiri dari kakitangan perkhidmatan awam untuk membantu menaikkan prestasi perkhidmatan awam dan tidak menentang kerajaan sebagaimana yang dilakukan oleh MTUC.

41. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil ke atas MTUC setelah didapati terang-terang MTUC telah membelakangkan kepentingan ahlinya semasa mereka menghadiri Persidangan Buruh Antarabangsa kali ke-81 baru-baru ini.

50. **Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada pucuk pimpinan MTUC masih bergiat untuk memburukkan imej negara ini di luar negara, khasnya semasa persidangan tahunan ILO dan ia adakah tindakan lain untuk mewujudkan badan pekerja yang lain seperti CUEPACS untuk melawan MTUC supaya sebuah badan atau kesatuan sekerja yang tidak anti-kerajaan tetapi menjalankan kegiatan kesatuan sekerja sahaja.

51. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada ahli-ahli kesatuan sekerja yang bergabung dengan CUEPACS betul-bet 1 berkhidmat untuk kebajikan ahli-ahlinya atau menjadi agen pembangkang seperti apa yang dilakukan oleh MTUC dan jika ya, apakah tindakan kementerian untuk menyekat gejala buruknya dari merosakkan negara yang sedang menuju negara maju.

56. **Dato' Mohd. Radzi bin Manan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada pucuk pimpinan MTUC masih bergiat untuk memburukkan imej negara ini di luar negara, khasnya semasa persidangan tahunan ILO dan jika benar, adakah tindakan untuk mewujudkan badan pekerja yang lain seperti CUEPACS bagi mengambilalih peranan MTUC untuk menentukan badan tersebut akan hanya menjalankan kegiatan kesatuan pekerja sahaja tanpa campur tangan dalam politik negara sehingga bertindak sebagai sebuah badan yang berpendirian anti-kerajaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan empat soalan dari Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut (Soalan No.41); Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Soalsn No.50); Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Derus, (Soalan No.51) dan Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi bin Manan (Soalan No.56) kesemuanya bertarikh hari ini kerana perkara-perkara yang ditanya itu berkaitan di antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia menghargai pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan itu dan ianya jelas menunjukkan keprihatinan dan kebimbangan Dewan yang mulia ini terhadap aktiviti dan kegiatan pergerakan kesatuan sekerja di negara ini yang boleh menggugat kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan tetap berpegang kepada prinsip kebebasan berkesatuan (freedom of association) dan berlandaskan kepada prinsip ini kerajaan memang memberikan kebebasan kepada kesatuan-kesatuan sekerja untuk memperjuangkan hak-hak pekerja sama ada dalam negeri atau di forum-forum antarabangsa asalkan dia mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan kesatuan sekerja dan tidak menjejaskan kepentingan negara.

Sungguhpun pihak kesatuan sekerja mewakili pekerja-pekerja tetapi jumlah keahliannya adalah hanya 20%, maka sebenarnya kerajaan mempunyai tanggungjawab terhadap 88% pekerja-pekerja negara ini yang tidak berkesatuan. Pihak kesatuan-kesatuan sekerja di negara ini harus memahami hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang tidak berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh MTUC di Persidangan Buruh Antarabangsa (ILO) kali ke-81 baru-baru **ini**. Kerajaan amat kesal dan memandang serius tindakan mereka. Suara lantang mereka menyokong cadangan mengaitkan klausa sosial dengan perdagangan menunjukkan mereka sanggup melihat ramai pekerja-pekeraja kita menganggur dan sanggup meningkatkan kos tenaga pekerja yang sedia ada yang akan mengakibatkan industri kita menjadi tidak kompetitif.

Keadaan ini menjadi lebih rumit kerana Malaysia adalah pejuang utama dalam menentang resolusi mengaitkan klausa sosial dengan perdagangan antarabangsa. Tindakan pemimpin-pemimpin MTUC menunjukkan dengan jelas bahawa kepentingan peribadi diutamakan daripada kepentingan pekerja-pekerja.

Sungguhpun demikian, sebagai sebuah kerajaan yang menghormati peraturan-peraturan forum antarabangsa, kerajaan masih bersabar dan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas pemimpin-pemimpin MTUC yang terbabit. Sebaliknya kerajaan berharap ahli-ahli MTUC hendaklah memilih pemimpin-pemimpin kesatuan yang lebih bertanggungjawab terhadap mereka dan tidak membelakangkan kepentingan negara, Kerajaan akan terus memerhati dan mengawasi tindak-tanduk pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja kita yang bertindak secara sulit atau terbuka untuk kepentingan peribadi dan bukan untuk kepentingan kaum pekerja. Sekiranya perkara ini berlaku, tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap persatuan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Kementerian Sumber Manusia, MTUC mempunyai 116 ahli gabungan yang aktif dan 21 yang tidak aktif. Ahli gabungan aktif adalah ahli yang menjelaskan yuran gabungannya dan yang tidak aktif pula adalah ahli yang tertunggak dalam menjelaskan yuran gabungan.

Menyentuh mengenai mewujudkan badan pekerja yang lain seperti CUEPACS untuk melawan MTUC, suka saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa untuk keharmonian perusahaan atau, dengan izin,

industrial harmony derai kepentingan negara, kerajaan akan berusaha dengan jujur untuk memastikan MTUC dan CUEPACS serta pihak-pihak lain dalam, dengan izin, National Labour Advisory Council bekerjasama dan menjalin hubungan yang rapat dengan semangat tripatisma.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mendapati bahawa ahli-ahli kesatuan sekerja yang bergabung dengan CUEPACS tidak bertindak keterlaluan dalam membela kepentingan ahli-ahlinya serta tidak bertindak seperti ejen pembangkang terhadap kerajaan. Kerajaan memahami hakikat bahawa sesebuah kesatuan sekerja itu mempunyai kewajipan datanggungjawab untuk mengemukakan isu-isu dan masalah yang dibangkitkan oleh ahli-ahlinya dengan majikan mereka. Dalam kes CUEPACS, ahli-ahlinya adalah anggota-anggota kerajaan dan majikannya. Kerajaan tidak menganggap sesebuah kesatuan yang mengemukakan tuntutan untuk kebaikan dan faedah ahli-ahlinya sebagai ejen pembangkang. Apa yang lebih penting ialah kesatuan itu tidak bersikap konfrontasi semasa membuat tuntutan. Mereka mesti bersedia ke meja rundingan dan bertolak-ansur untuk menyelesaikan sebarang tuntutan atau rasa tidak puas hati dengan majikan. Setelah rundingan diadakan, kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja hendaklah menerima dan menghormati hasil rundingan dalam apa jua keadaan. Tiada mana-mana pihak patut membangkitkan semula isu-isu yang tidak dipersetujui setelah rundingan itu selesai.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat tadi, beliau katakan bahawa MTUC mungkin digunakan sebagai ejen pihak pembangkang. Saya ingin minta penjelasan, siapakah pihak pembangkang itu dan kenapakah mereka gunakan MTUC?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya jawab seperti itu.

FESTIVAL TAMADUN ISLAM SEDUNIA - TOJUAN DIADAKAN

4. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah tujuan sebenar Festival Tamadun Islam Sedunia diadakan di Kuala Lumpur;
- (b) berapakah kos penyediaan Festival ini; dan
- (c) apakah keuntungan yang akan diperolehi dari Festival ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tujuan sebenar Festival Tamadun Islam Sedunia 1994 diadakan di Kuala Lumpur antaranya ialah:-
 - (i) memperkenalkan Islam yang sebenar kepada masyarakat melalui warisan sejarah dan tamadun Islam;
 - (ii) mengeratkan hubungan silaturrahim di antara Malaysia dengan negara-negara Islam dan juga negara-negara sahabat yang lain yang menyimpan khazanah warisan sejarah dan tamadun Islam;

- (iii) untuk mempertemukan para cendekiawan, intelektual dan cerdik pandai Islam di negara ini;
 - (iv) untuk bertukar-tukar pengetahuan dan kemahiran di antara negara-negara peserta;
 - (v) untuk membantu menjayakan projek. Tahun Melawat Malaysia;
 - (vi) untuk memeriahkan lagi perayaan Maal Hijrah 1415;
 - (vii)** untuk mengumpul koleksi bagi menjayakan penubuhan sebuah muzium Islam.
- (b) Festival Tamadun Islam Sedunia 1994 dilaksanakan secara penswastan dan perbelanjaan mengikut anggaran penender yang berjaya adalah sebanyak RM5.13 juta.
- (c) Di antara keuntungan yang akan diperolehi dari Festival ini ialah seperti berikut:-
- (i) untuk memperkenalkan Islam yang sebenar kepada masyarakat;
 - (ii) untuk kemudahan pemindahan kemahiran dan pengetahuan dalam usahanya menuju Wawasan 2020;
 - (iii)** hasil dari festival juga akan dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dengan negara-

negara yang turut serta di dalam projek ini. Di samping itu, ia menjadi medan pertemuan para cendekiawan dan intelektual Islam bagi merumuskan satu resolusi yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, saya ingin mendapat penjelasan. Sejauh manakah penyelarasan dan penglibatan kerajaan dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dalam menjayakan Festival Tamadun Islam termasuk penyertaan kunjungan ke Festival itu?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, tentang kunjungan sukalah saya menjelaskan bahawa setakat ini masih lagi belum memuaskan hati kerana tidak begitu ramai pengunjung-pengunjung yang menghadiri ataupun melihat Festival **ini**. Jadi, saya melalui Dewan yang mulia ini menyeru dan merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau boleh kita bawa rakan-rakan serta sanak-saudara kita untuk melawat Festival ini untuk melihat bagaimana perkembangan Tamadun Islam yang dahulunya begitu canggih dan dapat kita lihat banyak perkara-perkara baru yang dipamerkan untuk kepentingan masyarakat kita.

Tentang penglibatan Jabatan Agama Islam Negeri, sukalah saya menjelaskan bahawa ini dikoordinasikan oleh Bahagian Hal Ehwal

Islam, Jabatan Perdana Menteri dengan pihak swasta yang mengendalikan pameran ini. Jadi, penglibatan pihak negeri itutidaklah begitu menonjol dan tidaklah begitu banyak kalau hendak dikira.

BANK-BANK/INSTITUSI KEWANGAN BERMODAL ASING - DASAR KERAJAAN

5. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) dasar kerajaan untuk bank-bank dan institusi kewangan yang bermodal asing; dan
- (b) sama ada kerajaan bercadang membenarkan penubuhan cawangan bank bermodal asing demi menggalakkan persaingan yang sihat dengan bank tempatan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]; Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seksyen-seksyen 4 dan 129 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 menghendaki bank asing menubuhkan anak syarikat tempatan untuk mengambil alih operasi perbankan daripada cawangan bank mereka yang beroperasi di negara ini.

Langkah perbadanan tempatan ini mesti dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun selepas Akta itu berkuatkuasa di mana tempoh ini berakhir pada 30hb September 1994. Kesemua 16 cawangan bank asing dijangka akan dapat memenuhi syarat ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini 6 buah cawangan bank asing telah pun diperbadankan di Malaysia manakala sebuah lagi cawangan bank asing akan diambil alih oleh syarikat tempatan mulai 1hb Ogos 1994.

Institusi kewangan tidak dibenarkan membuka cawangan baru jika lebih daripada 49% ekuiti institusi kewangan tersebut dimiliki oleh entiti asing.

- (b) Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan bank asing membuka cawangan baru selaras dengan dasar kerajaan membekukan pengeluaran lesen baru. Ini adalah kerana institusi kewangan yang sedia ada mampu menampung keperluan kewangan orang ramai. Walaupun keputusan perbadanan tempatan dan pembekuan lesen baru dibuat, adalah dirasakan cawangan bank asing yang beroperasi di negara ini sudah pun sedia mempunyai banyak kelebihan, dengan izin, advantages berikut, jika dibandingkan dengan bank tempatan. Ini termasuk sokongan modal dan kewangan yang besar, perkongsian maklumat, 'correspondent' asing di seluruh negara, kecanggihan teknologi maklumat.

Dengan kelebihan tersebut cawangan bank asing yang diperbadankan tempatan dirasakan mampu memberi persaingan kepada bank tempatan.

PENJUALAN RUMAH KOS RENDAH - TINDAKAN TERHADAP PENYELEWENGAN

6. **Tuan Limun Laikim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil terhadap penyelewengan dalam penjualan rumah kos rendah dan adakah tindakan mendakwa mereka yang melakukan kesalahan seperti ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, dalam menentukan tindakan yang boleh diambil terhadap kesalahan yang dimaksudkan, tindakan-tindakan adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada iaitu:-

- (i) sekiranya penyelewengan itu melanggar Akta dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mendakwa pemaju berkenaan;
- (ii) sekiranya penyelewengan itu melanggar Perjanjian Jual Beli, pihak pembeli juga boleh mengambil tindakan terhadap pemaju dengan membawa kes mereka ke mahkamah;
- (iii) sekiranya penyelewengan itu membabitkan kesalahan jenayah, pihak Polis Di-Raja Malaysia boleh mengambil tindakan jika menerima aduan.

Selain daripada itu, pihak pemaju juga perlu patuh terhadap syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri seperti penentuan peratusan jumlah rumah kos rendah yang perlu dibina dan tarikh menyiapkan dan menentukan penjualan dilakukan seperti mana

yang telah disyaratkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Di dalam penjualan rumah kos rendah, selalunya Kerajaan Negeri sendiri yang mengagih-agihkan penjualan kepada pembeli-pembeli yang layak dan pembeli-pembeli yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM1000 dan syarat-syarat lain yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri termasuk selalunya diberikan keutamaan kepada anak tempatan untuk membeli rumah kos rendah.

Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan dan sepatutnya mesti mengambil tindakan sekiranya penyelewengan berlaku mengenai kedudukan rumah kos rendah sama ada penyelewengan dari segi menjualkan rumah kos rendah yang berkenaan ataupun menyewakannya kepada orang lain. Hanya ketegasan Kerajaan Negeri ataupun Pihak Berkuasa Tempatan boleh menentukan masalah tidak puas hati rakyat berpendapatan rendah mengenai penyelewengan rumah kos rendah ini dapat diatasi.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak bertanya mengenai penyelewengan dalam penjualan rumah kos rendah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai penyelewengan dari segi pembinaan rumah murah. Terdapat pemaju-pemaju yang telah pun dikhaskan untuk membina 30% rumah adalah terdiri daripada rumah murah, tetapi apa yang telah pun berlaku ialah, apabila siap rumah-rumah mahal ataupun rumah-rumah kos sederhana, terdapat pemaju-pemaju yang, dengan izin, abandon projek yang berkenaan, tidak mahu mendirikan rumah murah yang telah pun diperuntukkan. Jadi apakah tindakan yang akan dilakukan oleh pihak kementerian terhadap pemaju-pemaju yang sedemikian?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, syarat menentukan pelaksanaan sesuatu projek perumahan ialah tertakluk kepada kelulusan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Kementerian hanya boleh bertindak di atas lesen yang diberikan kepada mereka. Sekiranya sesuatu projek perumahan itu tidak menepati, misalnya projek rumah kos rendah tidak dibina, maka Kerajaan Negeri sepatutnya mengambil tindakan sama ada menyenarai-hitamkan pemaju berkenaan atau mengambil balik tanah untuk rumah kos rendah. Tetapi ini memerlukan perubahan kepada pindaan kepada Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara. Sebab itu saya rasa tindakan hanya boleh diambil oleh pihak Kerajaan Negeri.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa masalah rumah kos rendah ini menjadi masalah terutama sekali dalam bandar dan mungkin ini adalah sebabnya penjualan rumah ini berlaku secara berleluasa. Saya lihat bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam, ada peruntukan yang diberi untuk membiayai projek yang harus dilaksanakan oleh Kerajaan Tempatan dan Badan-badan Berkanun. Saya ingin tahu berapakah kekurangan sekarang ini dalam segi pembinaan rumah kos rendah dan apakah tindakan kerajaan untuk menentukan supaya peruntukan dan usaha Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah rumah kos rendah?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan peruntukan khas RM1400 juta, kita berasa gembira kerana sambutan sangat baik dan 11,000 unit rumah telah diluluskan di bawah projek ini di mana dijanjikan akan siap sebelum Rancangan Malaysia Keenam

ini. Butirannya ialah 3473 unit rumah pangsa untuk disewakan akan dibina di bawah peruntukan RM600 juta manakala 8105 unit rumah lagi akan dibina melalui peruntukan RM300 juta, iaitu melalui pinjaman mudah dengan dikenakan faedah 2%.

Selain daripada itu, Kementerian Perumahan melalui projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Skim Pertapakan Khas akan menentukan kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk menyediakan tanah-tanah yang telah dijanjikan untuk pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah dan Skim Pertapakan Khas. Walaupun kementerian terpaksa menurunkan target ataupun sasaran daripada RM600 juta kepada RM350 juta memandangkan hanya tinggal 2 tahun sahaja lagi masa yang boleh digunakan untuk Rancangan Malaysia Keenam, tetapi jumlah yang akan dibina ialah lebih 13,000 unit.

SKIH TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN - PINJAMAN

7. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah usahawan bumiputera yang mendapat pinjaman melalui skim Tabung Pemulihan Usahawan bagi tahun 1992 hingga sekarang dan daripada bilangan itu, berapa ramai yang mencapai kejayaan dan bagaimana kedudukan pembayaran balik pinjaman itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun 1994, jumlah permohonan yang telah diterima untuk mendapat pinjaman di bawah Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) ialah sebanyak 1,497 di mana 421 permohonan telah diluluskan pinjaman berjumlah RM969.43 juta. Selain daripada itu, 333 permohonan telah berjaya menyelesaikan kes mereka tanpa bantuan kewangan daripada TPU.

Pembayaran balik pinjaman TPU dibuat secara beransur-ansur menurut prestasi projek dan perniagaan peminjam dengan mengambil kira keperluan modal pusingan peminjam untuk perkembangan dan kemajuan di masa depan. Pinjaman TPU dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh peminjam dan pembayaran balik tidak akan menjejaskan projek dan perniagaan mereka.

Sehingga 30 Jun 1994, jumlah bayaran balik yang dijelaskan oleh pemohon yang mendapat pinjaman TPU ialah RM243.3 juta. Ini adalah memuaskan berbanding dengan peruntukan yang disediakan bagi tabung pusingan ini sebanyak RM500 juta.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya dapati Tabung Pemulihan Usahawan Bumiputera ini tidak digunakan sepenuhnya dari segi tidak semua jumlah telah diluluskan untuk mereka yang telah memohon. Mengapakah sebabnya?

Keduanya, adakah tabung ini boleh digunakan untuk usahawan-usahawan bumiputera yang ada joint venture ataupun usahasama dengan yang bukan bumiputera dan apakah takrif yang kita boleh masukkan syarikat-syarikat demikian, sama ada 51% ke atas atau sebagainya?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan yang di-Pertua, pertama, TPU ini adalah tabung bagi membantu perniagaan ataupun syarikat-syarikat bumiputera dan ini mengikut kaedah yang ditetapkan ialah majoriti kepunyaan bumiputera sebanyak 70%, tetapi ada juga syarikat-syarikat yang mempunyai 51% ekuiti diberikan pertimbangan.

Keduanya, saya menganggap TPU satu kejayaan kerana walaupun modal pembiayaan ataupun dana yang disediakan ialah RM500 juta, kelulusan yang diberikan ialah RM969 juta. Ini memandangkan sebahagian besar dari peminjam program di bawah TPU ini telah pun membayar balik dan wang itu dijadikan wang pusingan dan tidak melebihi pada sesuatu masa had bumbung RM500 juta yang ditetapkan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, dari angka 1,497 yang memohon, berapakah pemohon dari Sabah dan Sarawak dan berapakah yang telah diluluskan? Apakah prestasi mereka dan adakah selaras atau sama dengan usahawan-usahawan dari Semenanjung Malaysia?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak punyai maklumat terperinci mengenai permohonan dari Sabah dan Sarawak pada tahap **ini**. Saya jangka mungkin ada sebahagian kecil dari Sarawak, tidak banyak dari Sabah pada ketika itu kerana pada ketika itu pembangunan Sabah tidak pun berlaku. Tetapi saya percaya sekarang perkara ini boleh dipertimbangkan semula.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya Tabung Pemulihan Usahawan ini telahpun ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu usahawan yang menghadapi kemelesetan daripada tahun 1985 hingga 1988 dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah tabung ini akan diteruskan buat selama-lamanya?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat tegaskan, tabung ini diperkenalkan bagi menyelesaikan masalah semasa akibat dari kemelesetan tetapi didapati tabung ini mendapat sambutan yang baik dari kalangan syarikat-syarikat yang sedia ada, maka dilanjutkan bagi menyelesaikan kes-kes yang lama. Kita tidak bercadang meneruskan pelaksanaan tabung dalam bentuk yang ada. Sebab itulah dicadangkan kini memperkenalkan Tabung Usahawan dan memperluaskan Tabung Usahawan Baru supaya dapat mengekalkan kepentingan majoriti bumiputera dan juga memberikan ruang kepada penyertaan syarikat-syarikat bukan bumiputera juga.

KAD PENGENALAN UNTUK PEMOHON BARU - LANGKAH MEMPERCEPATKAN PROSES

8. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau menyedari mengenai tempoh masa yang lama untuk menyiapkan permohonan kad pengenalan kepada pemohon-pemohon baru yang berusia 12 tahun. Ada pemohon yang hampir 13 tahun belum dapat kad pengenalan mereka. Apakah langkah untuk mempercepatkan proses itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab soalan ini saya rasa saya perlu perbetulkan satu ayat dalam soalan ini iaitu, "Ada pemohon yang hampir 13 tahun belum dapat kad pengenalan" adalah sepatutnya "Ada pemohon yang hampir umurnya 13 tahun masih belum ada kad pengenalan."

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari masalah yang dihadapi oleh pemohon-pemohon kad pengenalan yang diambil untuk kanak-kanak yang berumur 12 tahun. Langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses kad pengenalan tersebut ialah dengan menambah kakitangan di bahagian yang berkaitan dan meningkatkan keupayaan pengeluaran harian.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa Jabatan-jabatan Pendaftaran ada banyak kad-kad pengenalan yang siap tidak dituntut. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, berapakah jumlah kad pengenalan yang siap dan tidak dituntut? Kedua, apakah sebab-sebabnya? Ketiga, apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini terutama sekali kepada pemohon supaya mereka akan mendapat kad pengenalan mereka mengikut jadual yang telah ditetapkan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bilangan kad pengenalan baru yang tidak dituntut itu adalah angkanya sentiasa berubah dari sehari ke sehari. Yang saya dapat beri anggaran ialah sekurang-kurangnya 30,000 tidak dituntut. Tetapi apabila nasihat kita telah dikeluarkan melalui media massa, lebih ramai orang telahpun datang untuk menyemak kerana di bawah peraturan sekarang, sekiranya sesuatu kad pengenalan itu apabila notis telah keluar untuk pemohon itu supaya datang mengambil tidak dipatuhi selepas 18 bulan, pihak Jabatan Pendaftaran Negara boleh memusnahkan kad itu supaya permohonan itu kena dikemukakan semula.

Jadi, di sini saya hendak tekankan sekali lagilah kepada mereka yang sudah lama memohon kad pengenalan, kalau sudah sehingga lebih daripada dua tahun masih tidak ada apa-apa jawapan, eloklah semak dengan Jabatan Pendaftaran Negara di mana permohonan itu telah dikemukakan untuk memastikan kadnya dituntut dengan cepat.

Apa sebab-sebab - banyak faktor. Tidak dapat saya huraikan semua tetapi antara faktor yang utama ialah ada di antara mereka itu pindah rumah, sudah tukar alamat, tidak beritahu Jabatan Pendaftaran Negara sehingga surat/kad makluman itu tidak dapat disampaikan kepada mereka. Ada juga faktor-faktor yang lain.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menandatangani kebanyakan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ini ialah murid-murid sekolah, adakah kementerian bercadang supaya membuat pendaftaran di sekolah dan kemudiannya mengembalikan kad-kad pengenalan yang baru ini di sekolah supaya masalah ini tidak berlaku?

Tuan Ong Ka Ting: Tuen Yang di-Pertua, masalah kad tidak dituntut adalah kebanyakannya untuk orang dewasa. Bagi murid-murid yang berumur 12 tahun itu, masalah ini tidak begitu ketara dan apabila seseorang itu telah memohon kad pengenalan kali pertama, mereka mempunyai satu resit di mana resit itu mempunyai taraf seperti kad pengenalan.

Jadi, buat masa ini kerajaan masih ingat cara yang sedia ada ini adalah mencukupi.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen membetulkan ayat, "yang hampir umurnya 13 tahun". Saya tidak tahulah. Itu Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng yang bertanya. Kemungkinannya ada yang kena menunggu 13 tahun belum dapat kad pengenalan.

Yang keduanya soalan saya ialah kalau kita lambat mendaftarkan anak kita untuk memohon kad pengenalan, biasanya kita akan didenda oleh pihak Jabatan Pendaftaran. Jadi, oleh kerana Jabatan Pendaftaran pun lambat menyiapkan kad pengenalan kita, adakah pihak kementerian bercadang untuk memansuhkan denda yang dikenakan itu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-pertua, tujuan mengenakan denda ini ialah supaya setiap rakyat akan mematuhi peraturan iaitu memohon kad pengenalan pada masa yang tepat supaya tujuan kependudukan, tujuan penguatkuasaan undang-undang itu boleh dijalankan dengan licin. Tujuannya adalah baik.

Sebaliknya kelambatan yang tidak disengajakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara telah pun baru-baru ini dikaji semula terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri pun sudah ambil perhatian, di mana arahan sudah diberi kepada Jabatan Pendaftaran Negara supaya mengkaji semula segala kelemahan yang sedia ada. Banyak lagi red-tape telahpun dikecualikan ataupun dipendekkan sehingga dokumen-dokumen yang tidak perlu itu tidak payahlah dikeluarkan, susteru pengeluaran itu dipendekkan supaya masanya boleh dipendekkan.

Jadi, saya yakin dalam beberapa bulan lagi semua masalah ini akan dapat dilicinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

Dato' Soong Siew Boong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 9.

MAS - PEMBELIAN SAHAM DALAM SYARIKAT PENERBANGAN ASING

9. **Dato' Soong Siew Hoong [Dibawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah MAS bercadang membeli sebahagian daripada saham syarikat-syarikat penerbangan di negara-negara lain sebagai suatu cara cepat bagi mendapatkan akses (access) kepada destinasi yang lebih. Jika ada, apakah syarikat-syarikat penerbangan asing ini dan apakah destinasi tambahan yang telah didapati berekoran daripada pembelian sahara ini. Jika tidak, mengapa tidak.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, Penerbangan Malaysia (MAS) pada masa ini tidak ada rancangan untuk membeli saham daripada mana-mana syarikat penerbangan asing sebagai satu cara mendapatkan access, dengan izin kepada destinasi yang lebih banyak lagi. Ini disebabkan pembelian saham dalam syarikat-syarikat penerbangan asing tidak menjanjikan bahawa syarikat penerbangan berkenaan akan dapat membantu MAS untuk mendapatkan hak-hak pendaratan bagi menambah destinasi atau untuk mendapatkan destinasi yang diperlukan oleh MAS.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian hak-hak pendaratan adalah berhubung kait rapat dengan prinsip kedaulatan sesuatu negara dan oleh itu adalah menjadi amalan antarabangsa bahawa pemberian hak-hak tersebut untuk dibincangkan melalui proses rundingan-rundingan udara yang diadakan di peringkat Kerajaan negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

Tuan Michael Bong Thiam Joon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 10.

BOMBA - TAMBAHAN KAKITANGAN DAN BILANGAN PILI

10. **Tuan Michael Bong Thiam Joon [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk menambah bilangan kakitangan bomba di seluruh negara ini memandangkan kita menuju ke arah menjadi satu negara maju selaras dengan Wawasan 2020;
- (b) apakah bilangan **pili** bomba di kawasan perkampungan luar bandar telah mencukupi dan seimbang dengan bilangan rumah di perkampungan tersebut;
- (c) apakah kerajaan merancang untuk menyediakan peralatan yang lebih canggih kepada pasukan bomba Malaysia; dan
- (d) apakah bentuk pembayaran elaun "stand by" kepada pasukan bomba di negara ini benar-benar lumayan dan munasabah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam perancangan jangka panjang Jabatan Perkhidmatan Bomba memang bercadang menambah tenaga anggota. Dalam program penyusunan semula jabatan yang telah dibuat dan sedang dalam pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam, tambahan yang dijangkakan ialah 5,000 orang mengikut tahap-tahap pengambilan. Adalah dijangkakan keanggotaan anggota bomba menjelang tahun 2000 berjumlah lebih kurang 11,000 orang.

(b) Pada pandangan Jabatan Perkhidmatan Bomba, bilangan **pili-pili** bomba di kawasan luar bandar dan perkampungan perlu ditambah jika diambil kira proses pembangunan dan pembukaan kawasan-kawasan industri di kawasan pinggiran. Dalam mengambil kira penambahan **pili-pili** bomba ini, faktor kos merupakan faktor utama kerana ia bergantung kepada infrastruktur bekalan air yang sedia ada.

pada masa ini jumlah **pili** bomba untuk seluruh negara ialah 111,950 unit. Jabatan ada memperuntukkan sejumlah RM50,000 bagi setiap negeri-negeri dalam Program Penambahan dan Penyelenggaraan **Pili-pili** Bomba ini dan sememangnya tidak mencukupi. Oleh itu kerjasama dari pihak tertentu seperti Majlis Tempatan dan Jabatan Bekalan Air telah didapati, bagi membantu membekalkan **pili-pili** bomba melalui rancangan pembangunan mereka.

Selain dari itu, dalam projek-projek pembangunan kawasan perumahan, Jabatan telah mensyaratkan pembinaan pili bomba diadakan dan ia adalah syarat utama sebelum sesuatu kelulusan sokongan bangunan diberikan.

- (c) Dari segi perolehan peralatan-peralatan terbaru yang canggih, berapa usaha telah dibuat oleh Jabatan Bomba agar perkhidmatan yang diberikan terhadap orang ramai sentiasa di tahap memuaskan. Walau bagaimanapun, peralatan yang canggih amatlah tinggi harganya dan terpaksa diperolehi secara berperingkat-peringkat.
- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Bomba tiada memberikan apa-apa elaun 'stand-by' kepada anggotanya. Elaun tambahan yang diberikan kepada anggota-anggota bomba ialah elaun gantian tetap berdasarkan masa bekerja syif. Bagi syif bekerja 12 jam, bayarannya ialah di antara RM15 hingga RM20 mengikut kategori pangkat. Bagi syif bekerja 24 jam, bayarannya ialah di antara RM60 hingga RM80 mengikut kategori pangkat.

DAŠAR PERTAHANAN NEGARA - KAJIAN PENYELARASAN

11. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pertahanan menerangkan bilakah kali terakhir Dasar Pertahanan Negara dikemaskinikan dan adakah ia selaras dengan perkembangan pembangunan negara juga dengan perkembangan persiapan pertahanan negara-negara rantau ASEAN dan adakah ia selaras dengan konsep ZOPFAN yang telah diperjuangkan selama ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, kali terakhir Dasar Pertahanan Negara dikemaskini adalah bertahun 1991, bila mana Kementerian Pertahanan dapati perlu dikaji semula dasar tersebut berikutan perubahan-perubahan yang berlaku dalam perkembangan senario strategik antara-bangsa dan serantau.

Dasar Pertahanan Negara adalah digubal berdasarkan prinsip-prinsip dan objektif Dasar Luar Negara yang mana sejajar dengan pendirian negara mengenai konsep "Zon Aman, Bebas dan Berkecuali".

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut.

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ke

12.

[Tiada jawapan daripada Kementerian Penerangan]

CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PENIAGA-PENIAGA GERAI - JUMLAH KUTIPAN

13. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan secara kasar, berapa juta cukai telah dapat diperolehi oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri sejak pegawai-pegawai Jabatan ini mula membanci dan mendaftar peniaga-peniaga gerai yang pada suatu masa dahulu tidak membayar cukai walaupun kebanyakan daripada mereka mendapat keuntungan lumayan kerana kos operasi gerai mereka sangat rendah tetapi keuntungannya kasar.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah menjalankan gerakan mengesan dan mendaftar peniaga-peniaga gerai melalui Unit Tindakan Khas. Unit ini mula melakukan gerakan ini secara lebih tersusun sejak tahun 1990. Selain daripada mengesan dan memberi nasihat kepada mereka yang patut membayar cukai, mereka juga memberi nasihat kepada peniaga berkenaan jenis rekod yang perlu disimpan serta potongan-potongan yang boleh diperolehi dalam mengira cukai yang perlu dibayar. Setakat ini, sejak gerakan bermula pada tahun 1990, kira-kira 11,730 peniaga telah didaftar. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 2,670 didapati termasuk dalam lingkungan mereka yang kena membayar cukai.

Jumlah cukai yang telah dibayar dari gerakan tersebut sukar diketahui kerana setengahnya membayar secara ansuran dan bertindih tahun. Bagaimanapun, jumlah cukai yang telah ditaksir berikutan gerakan Unit ini yang juga merangkumi peniaga gerai sejak tahun 1990 adalah seperti berikut:

Tahun 1990 - RM1.532 juta

Tahun 1991 - RM1.248 juta

Tahun 1992 - RM1.764 juta

Tahun 1993 - RM1.032 juta

PENDIDIKAN ALAM SEKITAR - KESEDARAN PELAJAR

14. **Tuan Choog Chi Siong** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) perkembangan tentang pendidikan alam sekitar di sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang meningkatkan mutu pengajaran alam sekitar supaya murid-murid lebih memberi perhatian lebih jelas menanam kesedaran betapa pentingnya alam sekitar kepada manusia sejak di bangku sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pendidikan Alam Sekitar telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1990. Pendidikan Alam Sekitar telah disisipkan sebagai unsur-unsur dalam setiap mata pelajaran dari peringkat prasekolah hingga menengah dan di dalam setiap disiplin di peringkat pendidikan tinggi.

Guru-guru dilatih mengenai aktiviti Pendidikan Alam Sekitar bagi menyedarkan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar secara berperingkat-peringkat.

Setakat ini hampir semua sekolah rendah dan menengah telah mempunyai guru sumber yang terlatih.

Penekanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar setakat kini adalah lebih tertumpu di dalam bilik darjah dan di kawasan sekolah dan akan diperluaskan ke kawasan luar sekolah seperti denai, hutan, taman laut, muzium dan zoo dengan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan.

- (b) Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar sedang berusaha memantap dan juga meningkatkan Pendidikan Alam Sekitar supaya kesedaran yang dipupuk dapat dijemakan kepada perlakuan-perlakuan (amalan) yang becirikan nilai-nilai murni terhadap alam sekitar di kalangan pelajar. Di antara usaha yang sedang dan akan dijalankan ialah:
- (i) menambah bilangan bahan-bahan cetak yang mengandungi nilai-nilai murni dalam alam sekitar;
 - (ii) memperkemaskan kandungan buku teks setiap mata pelajaran dengan maklumat mengenai alam sekitar yang mencukupi dan tepat; dan
 - (iii) menggalakkan aktiviti-aktiviti yang bertujuan mempromosi dan memperkukuhkan nilai-nilai murni alam sekitar di semua peringkat Kementerian Pendidikan.

GANGGUAN PENGEMIS DI TEMPAT AWAM - TINDAKAN MENGATASI

15. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjelaskan apakah tindakan Kementerian terhadap orang-orang gila dan tidak siuman, termasuk sex maniac yang semakin bertambah di ibu kota. Apakah punca mereka berkeadaan demikian. Minta segera tindakan diambil memandangkan kebanyakan mereka ini mengganggu orang awam, khususnya menimbulkan ketakutan kepada kaum wanita.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

[Dato' Alezander Yu Lung Lee]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak benar untuk dinyatakan bahawa masalah warga kota tidak siuman adalah berleluasa. [Ketawa] Masyarakat yang kurang siuman sememangnya memerlukan rawatan pemulihan mengikut Mental Disorders Ordinance 1992.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa mengendalikan serbuan terhadap pengemis bersama-sama dengan pihak penguatkuasaan sering menahan mereka yang kurang siuman yang didapati berkeliaran di tempat awam. Mereka ini ditempatkan sementara waktu di institusi-institusi yang diwartakan sebelum mereka dirujuk untuk mendapat rawatan di hospital-hospital.

Berhubung dengan sex maniac, jika orang ramai mempunyai maklumat bahawa ada mereka yang tertentu melakukan kesalahan seks, termasuk sex maniac, perlu dilaporkan kepada pihak polis untuk tindakan agensi berkenaan seterusnya.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sebagai warga kota jugalah. Jadi, jarang saya jumpa - istilah manusia gila ataupun tidak siuman ini mungkin kita tahu - tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana beliau minta kita melaporkan kepada pihak kementerian tentang maknanya istilah "sex maniac" ini. Kalau dapat diperjelaskan supaya kita boleh buat laporan kepada pihak kementerianlah. **[Ketawa]**

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebutkan tadi, melaporkan kepada pihak polis, bukan kepada kementerian saya. Kita bukan jaga sex maniac. **[Ketawa]**

Seorang Ahli: Kita anggap, anggap.

PEKYELEWENGAN KANTIN SEKOLAH - GARIS PANDUAN

16. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah dan tindakan pihak Kementerian terhadap dakwaan Persatuan Penyelenggaraan Kantin Sekolah Malaysia (ASCOM) berhubung tindakan sebuah syarikat pembuat minuman terkenal meletakkan mesin kotak minuman di sekolah di seluruh negara yang bercanggah dengan garis panduan Kementerian Pendidikan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan yang dibuat oleh Persatuan Penyelenggaraan Kantin Sekolah Malaysia (ASCOM) adalah tidak benar.

Berdasarkan kepada Peraturan Makanan 1985, makanan dan minuman tidak digalakkan dijual di kantin sekolah, ialah cuma gula-gula, makanan snek dan makanan tidak berkhasiat. Tambahan pula, mesin minuman kotak ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar yang tinggal di asrama dan mereka yang menyertai kegiatan ko-kurikulum setelah kantin sekolah ditutup.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Taan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya kantin-kantin yang dilaksanakan menerusi kontrak ini ialah tidaklah begitu lumayan. Kadang-kala terdapat rungutan, kerana ada rungutan yang mengatakan supaya penjualan minuman dan makanan ini selalu diserahkan kepada kontraktor-kontraktor kantin. Kadang-kadang terdapat banyak sekolah sama ada dipelawa oleh guru besar ataupun PIBG untuk mengadakan mesin-mesin kotak minuman ini telah menjejaskan, saya rasa, penjualan di kantin itu dan kita tahu kantin ini ialah menerusi tender dan pembayarannya ialah begitu lumayan. Jadi, oleh yang demikian, saya rasa apa yang dibangkitkan oleh ASCOM ini ialah benar. Jadi, saya hendak minta sama ada kementerian boleh menyerahkan semua penyelenggaraan kantin ini, termasuk minuman ini kepada kontraktor. Ini lebih menyenangkan keadaan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menimbangkan dan siasatkan lebih teliti lagi masalah ini. Mungkin ia terlibat dengan satu dan bukan semua sekolah. Apa yang saya katakan dalam jawapan saya tadi bahawa ini berlaku di mana keadaan diubah suai mengikut keadaan tempatan dan mungkin ini melibatkan sekolah-sekolah yang berasingan atau yang tidak berasrama penuh. Saya berharap kita boleh mengatasinya dan akan timbangkan semula.

KES KEMALANGAN PENUNTUT SEKOLAH - KELEWATAN PERBICARAAN

17. **Datin Hajah Wan Intan Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada beliau sedar ada kes-kes kemalangan jalan raya yang melibatkan penuntut-penuntut sekolah, apabila dibawa ke mahkamah, mengambil masa terlalu lama untuk diselesaikan, hingga ada kalanya penuntut-penuntut yang terlibat itu atau ibu bapa mereka meninggal dunia tetapi kes mereka belum juga selesai. Jika sedar, nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini supaya keadilan tetap terpelihara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada kes-kes tuntutan ganti rugi kemalangan jalan raya mengambil masa terlalu panjang untuk diselesaikan. Walau bagaimanapun, Badan Kehakiman telah dimaklumkan dan mereka sedang dan akan berusaha keras untuk menyelesaikannya. Kebanyakan kes-kes kemalangan jalan raya dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang munasabah walaupun ada juga kes-kes yang agak lewat diselesaikan. Ini disebabkan oleh banyak faktor seperti saksi-saksi tidak dapat

dikesan dan dokumen-dokumen berkaitan sukar diperolehi. Adalah lebih baik jika ada kes-kes yang khusus, Yang Berhormat utarakan terus kepada Badan Kehakiman untuk menyemak dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Pada masa ini, sistem kehakiman negara ini tidak memperuntukkan suatu mahkamah yang khusus bagi mendengar kes-kes kemalangan jalan raya. Oleh itu, hakim-hakim atau majistret akan menggunakan budi-bicara kehakimannya untuk menimbang kes mana yang perlu didahulukan perbicaraannya. Namun begitu, jikalau berlaku kes-kes yang terpencil seperti yang dibangkitkan, adalah menjadi kewajipan peguam yang mewakili mana-mana litigan untuk memaklumkan kepada hakim atau majistret keadaan kesnya supaya ia boleh didengar dahulu.

Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk mengatasi masalah kes tertangguh dan tindakan seperti penambahan bilangan hakim dan kakitangan sokongan di mahkamah dan tindakan Badan Kehakiman sendiri yakin masalah kelewatan akan dapat diselesaikan dalam kes-kes kemalangan jalan raya.

JUJURAWAT- MEMPERTINGKATKAN MUTU PERKHIDMATAN

18. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah kekurangan Jururawat dan usaha-usaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada pesakit-pesakit di Rumah Sakit Umum Kerajaan.

Menteri Kesihatan [Dato' Lee Kim Sai]: Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani masalah kekurangan Jururawat yang dihadapi oleh Kementerian saya sekarang **ini**, dua pendekatan diambil iaitu dari

segi jangka pendek dan jangka panjang. Bagi jangka pendeknya ialah dengan cara pengambilan jururawat asing terlatih dari luar negara untuk berkhidmat secara kontrak dan melantik semula jururawat-jururawat terlatih yang telah bersara. Bagi jangka panjang pula ialah dengan menambahkan pengambilan jururawat terlatih dan membanyakkan kemudahan-kemudahan latihan seperti menambahkan lagi tempat latihan kejururawatan dan tenaga pengajarnya.

Berhubung dengan kualiti perkhidmatan kepada pesakit-pesakit, Kementerian saya sentiasa memikirkan untuk mencari jalan untuk bukan sahaja memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pesakit-pesakit tetapi mengekal dan menambahbaikkan perkhidmatan berkualiti yang diberi.

Di antara langkah-langkah yang diambil ialah dengan meningkatkan taraf kelayakan jururawat daripada taraf Sijil kepada taraf Diploma yang bermakna kurikulumnya juga telah diubah suai selaras dengan peningkatan tarafnya; mempertingkatkan pengetahuan jururawat dengan menggalakkan mereka menghadiri kursus, seminar serta bengkel; menambahkan bilangan Jururawat menghadiri kursus-kursus posbasik dan menambahkan bilangan anggota jururawat seperti yang telah saya nyatakan di atas tadi.

MALBATT DI BAWAH PANJI-PANJI PBB - PEMILIHAN ANGGOTA

19. **Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah MALBATT membuat pilihan anggota-anggota Batalion Malaysia berkhidmat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengikut kaum.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pemilihan anggota-anggota Batalion Malaysia yang berkhidmat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak dipilih mengikut kaum. Semua anggota Angkatan Tentera mempunyai peluang yang sama untuk dipilih berkhidmat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana soalan ini ada kaitan dengan tentera kita yang bertugas di Bosnia, saya difahamkan tentera kita ke Bosnia adalah dengan tujuan untuk menjadi pengaman (peacekeeping). Tetapi keadaan telah pun berbeza sekarang ini, mereka pergi ke Bosnia nampaknya untuk berperang.

Jadi, apakah persiapan dan apakah benar? Saya masih ingat lagi pihak kementerian telah pun meluluskan peruntukan senjata kepada tentera kita di Bosnia. Apakah benar perkara ini berlaku kelewatan dari segi 'supply' untuk tentera kita di Bosnia? Kalau benar, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, penugasan anggota tentera kita di Bosnia adalah di bawah mandat pengarnan. Sehingga pada hari mandat tersebut tidak berubah. Maka peranan kita di Bosnia adalah sama seperti yang kita ditugaskan iaitu untuk menjaga keamanan di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kita tidak melengkapkan anggota kita untuk berperang. Kita melengkapkan anggota kita adalah bersesuaian dengan

tugas yang diberikan iaitu sebagai pengaman. Oleh **itu**, tidak timbul tentang untuk melengkapkan anggota kita dengan kelengkapan untuk berperang. Ianya sekadar mampu untuk menjalankan tugas-tugas seperti yang telah ditetapkan.

SYARIKAT INSURANS - KEENGGAKAN MEMBERI PERLINDUNGAN

20. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Kewangan menyatakan syarikat-syarikat insurans akan melonggarkan syarat tidak mahu menjual insurans kepada kenderaan yang berumur lebih 10 tahun ke atas dan jika pihak insurans tidak mahu berganjak adakah Kementerian akan membatalkan lesen perniagaan mereka, ini adalah kerana ianya menyusahkan mereka yang tidak mampu hendak membeli kenderaan baru.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat insurans am berlesen adalah diberi kebebasan untuk menentukan jenis perlindungan insurans yang akan dijual kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, Bank Negara sentiasa menasihatkan syarikat tersebut supaya menilai secara adil setiap risiko terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

Daripada kajian yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia, adalah didapati 52 syarikat insurans am. Daripada 52 syarikat insurans am yang menjalankan perniagaan insurans motor, 24 buah syarikat memberi perlindungan insurans pihak ketiga kepada kenderaan perdagangan yang berusia melebihi 10 tahun manakala 34 syarikat pula sanggup memberi perlindungan insurans kepada kenderaan persendirian yang melebihi 10 tahun.

Dengan demikian, pemilik kenderaan mempunyai pilihan yang luas dalam mendapat perlindungan insurans untuk kenderaan mereka tanpa mengira usia kenderaan berkenaan. Walau bagaimanapun, pemilik kenderaan yang masih tidak memperoleh perlindungan insurans motor daripada syarikat insurans yang ada, boleh menghubungi Persatuan Insurans Am Malaysia untuk dipertimbangkan skim di bawah Pakatan Insurans Motor Berisiko Tinggi, dengan izin, High Risks Motor Insurance Pool (HRMIP). Ia terdiri daripada kesemua syarikat insurans am yang berdaftar yang bertindak sebagai syarikat insurans terakhir atau, dengan izin, insurer of last resort. Berasaskan kajian yang dijalankan, kesemua pemilik kenderaan bermotor yang menghubungi HRMIP ini telah mendapat perlindungan insurans motor mereka.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kewangan menghadkan "maximum loading" yang boleh dikenakan oleh sesuatu syarikat insurans terhadap kereta yang berusia lebih dari 10 tahun?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pihak Bank Negara selaku badan yang bertanggungjawab untuk mengawasi industri insurans ada mengeluarkan garis panduan di mana dengan izin, loading maximura ataupun tambahan kepada premium maximum yang boleh dikenakan ialah 50% bagi kereta persendirian dan bagi kereta kenderaan lain, termasuk lori dan sebagainya, maximum loading ataupun jumlah yang maksimum yang boleh dikenakan melebihi premium yang dicadangkan ialah 100%. 50% bagi kenderaan persendirian dan 100% bagi kenderaan komersil.

DISIPLIN PELAJAR - PUNCA KELEMAHAN

21. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Baji Mohamad minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sama ada disiplin pelajar-pelajar di sekolah-sekolah merosot kebelakangan ini;
- (b) apakah kesalahan salah disiplin yang dilakukan oleh pelajar-pelajar; dan
- (c) adakah punca kurang disiplin ini kerana guru-guru juga tidak berdisiplin.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, disiplin pelajar-pelajar di sekolah adalah bertambah baik. Ini berasaskan kepada kadar salah laku pelajar-pelajar kita telah pun menurun dari 4.68% dalam tahun 1992 kepada 4.1% pada tahun 1993.
- (b) Kesalahan-kesalahan kecil yang biasa dilakukan oleh pelajar-pelajar ialah datang lewat, pakaian sekolah tidak mengikut peraturan, berkeliaran sewaktu pengajaran dijalankan, datang lewat ke perhimpunan, menggunakan bahasa kasar dan tidak menghormati guru.
Kesalahan-kesalahan besar yang biasa dilakukan oleh pelajar-pelajar ialah merokok, mencuri, berjudi, peras ugut, melawan guru serta merosakkan harta-benda sekolah/murid dan juga guru.

- (c) Daripada kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, guru tidak berdisiplin bukanlah merupakan punca kurang disiplin di kalangan pelajar-pelajar. Antara punca kemerosotan disiplin pelajar-pelajar yang telah dikenal pasti ialah faktor-faktor latar belakang pelajar itu sendiri, keluarga, persekitaran, rakan sebaya dan keseluruhan iklim sekolah tempat mereka belajar itu.

INDUSTRI KECIL KAMPUNG - PENCAPAIAN

22. **Puan Hajah Selemiah binti Hn** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapa peratuskah rakyat kita khususnya di luar bandar yang melibatkan diri dalam industri kecil dan bagaimana pencapaiannya. Adakah kerajaan berpuas hati dengan program-program dan pelaksanaan projek kecil industri kampung bagi meningkatkan lagi ekonomi penduduk di luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan Banci 1988/1989 terdapat 13,992 industri kecil dengan jumlah tenaga kerja seramai 119,299 orang. Perangkaan tersebut tidak mengkategorikan industri-industri kecil mengikut bandar dan luar bandar, tetapi adalah dipercayai daripada kajian-kajian yang dibuat bahawa setengah daripada jumlah industri kecil terdapat di luar bandar. **Oleh itu**, adalah dianggarkan seramai kira-kira 60,000 tenaga kerja adalah terdiri dari tenaga kerja luar bandar.

Program Industri Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang meliputi beberapa komponen seperti bantuan mesin, penyediaan ruang niaga, latihan dan bantuan promosi serta pemasaran adalah **bermatlambat**, antara lain, untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar dan telah menunjukkan suatu tahap pelaksanaan yang baik.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam seramai 455 pengusaha dalam pelbagai bidang industri luar bandar telah diberikan bantuan, sementara 81 projek lagi dalam proses pertimbangan. Walaupun dari segi peratusannya agak kecil, tetapi penglibatan pengusaha-pengusaha ini menunjukkan bahawa perubahan daripada bidang-bidang yang tradisional ke bidang-bidang yang memerlukan kemahiran serta berteknologi adalah menunjukkan tidak lagi bergantung semata-mata kepada aktiviti-aktiviti pertanian seperti yang diperlihatkan pada masa-masa yang lalu.

Bagi memastikan peningkatan penglibatan masyarakat luar bandar dalam pembangunan industri serta kekesanannya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan agensi-agensi di bawahnya dari masa ke semasa sentiasa berusaha mengubah suai dan memperkenalkan strategi-strategi yang baru dalam pelaksanaan program-programnya, termasuk sistem vendor, sub-kontrak dan francais.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 dan 23 hingga 68 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL

PINDAAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 13(2)

3.33 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 sebagaimana yang tertera sebagai No. 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah dijadualkan sebagai No. 3 dan susunan Rang Undang-undang berikutnya adalah dikekalkan seperti biasa."

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

"Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 sebagaimana yang tertera sebagai No. 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah dijadualkan sebagai No. 3 dan susunan Rang Undang-undang berikutnya adalah dikekalkan seperti biasa."

RANG UNDANG-UNDANG**RAKG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN) 1994****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [25hb Julai, 1994]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyambung ucapan.

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, semalam apabila membentangkan pindaan kepada Rang Undang-undang Insurans 1963 ini saya telah terangkan sedikit-sebanyak tentang sebab-sebab kenapa Kerajaan berpendapat Rang Undang-undang ini perlu dipinda. Antara lainnya, kita berpendapat bahawa perlu diperluaskan skop perlindungan yang diberikan kepada pemegang polisi dan juga kepada mereka yang membuat tuntutan kepada syarikat insurans yang dibubarkan. Yang kedua, sebab kenapa diperkenalkan pindaan ini ialah untuk membolehkan proses pembubaran dilaksanakan dengan lebih teratur, licin dan sempurna.

Pindaan yang dicadangkan adalah kepada dua seksyen, iaitu seksyen 12 dan 29 melibatkan empat Fasal dalam Rang Undang-undang **ini**. Sekarang izinkan saya memberi sedikit penjelasan tentang beberapa perkara utama yang terkandung dalam empat Fasal dalam Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 hanyalah berkaitan tajuk ringkas Rang Undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan meminda subseksyen (2) dan (4) pada seksyen 12A Akta tersebut untuk:

- (i) memperjelas dan memperluaskan jenis pembayaran yang boleh dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans, ini termasuklah wang kutipan levi, wang pinjaman dan derma; dan
- (ii) memperjelaskan jenis bayaran yang boleh dibuat daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans. Ini termasuk memperluaskan pemakaian Kumpulan Wang itu kepada semua tuntutan berhubung dengan suatu polisi dan bukan sahaja bagi pemegang polisi individu.

Selain daripada itu, ia juga boleh digunakan untuk membayar balik wang pinjaman yang telah dibuat oleh Ketua Pengarah Insurans bagi tujuan kumpulan wang tersebut dan bayaran kos pentadbiran kumpulan wang itu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Fasal 2 juga bertujuan memasukkan subseksyen-subseksyen baru iaitu (4B), (4C), (4D), (4E) dan (5A) kepada seksyen 12A Akta itu yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- (i) melarang kumpulan wang itu daripada digunakan bagi membayar apa-apa tuntutan daripada pengarah, pengawal atau pihak yang berkaitan dengan penanggung insurans tak solven. Seterusnya, sesuatu tuntutan hanya akan dibayar jika pihak pembubar diberitahu mengenai **liabiliti** itu dalam tempoh 6 bulan dari tarikh perintah penggulungan atau dalam apa-apa tempoh lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Insurans.

- (ii) memberi Ketua Pengarah Insurans kuasa untuk menentukan peratusan tuntutan atau perihalan tuntutan yang kena dibayar oleh Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans termasuklah penge-naan suatu amaun maksimum ke atas tuntutan **itu**. Kuasa ini perlu bagi memastikan jumlah tuntutan yang boleh dibayar adalah setimpal dengan **nilai aset syarikat insurans ber-**kenaan dan juga jumlah wang yang ada dalam Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans;
- (iii)** memberi kuasa kepada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans untuk membayar tuntutan secara ansuran atau untuk menanggung daripada membuat pembayaran. Kuasa ini perlu sekiranya wang yang ada dalam kumpulan wang itu tidak mencukupi; dan
- (iv) memberi kuasa kepada Menteri untuk menghadkan penggunaan wang dalam kumpulan wang itu kepada **jenis-jenis tertentu** perniagaan insurans. Kuasa ini perlu dalam keadaan di mana wang yang ada dalam kumpulan wang didapati tidak mencukupi untuk menanggung kesemua tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 bertujuan memasukkan dua peruntukan baru **iaitu** seksyen 12B dan 12C kepada Akta tersebut. Seksyen baru 12B mengadakan peruntukan bagi Ketua Pengarah Insurans dengan kelulusan Menteri untuk meminjam wang bagi Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans atas terma dan syarat-syarat yang diluluskan oleh Menteri.

Seksyen baru 12C pula memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans untuk membuat bayaran kepada pihak-pihak yang menuntut secara pendahuluan. Pembayaran awal ini akan mengurangkan kesulitan kepada

pihak yang menuntut. Di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada, peruntukan ini tidak membolehkan pihak Ketua Pengarah Insurans membuat sebarang bayaran dalam bentuk bayaran pendahuluan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 bertujuan memasukkan empat seksyen baru ke dalam Akta itu, iaitu seksyen 29A, 29B, 29C dan 29D yang berkaitan dengan kuasa Ketua Pengarah Insurans untuk menyelia dan mengawasi proses pembubaran sesebuah syarikat insurans oleh pihak pembubar. Ia melibatkan perkara-perkara berikut:-

- (i) Seksyen baru 29A bertujuan mengadakan peruntukan bagi membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengawasi proses pembubaran syarikat insurans yang sedang dalam proses pembubaran, tetapi belum selesai dilaksanakan sepenuhnya;
- (ii) Seksyen baru 29B memperuntukan bahawa tertakluk kepada suatu perintah Mahkamah, seseorang pembubar selain daripada Pegawai Pemegang Harta hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya di bawah arahan dan penyeliaan Ketua Pengarah Insurans. Ketua Pengarah Insurans juga boleh mengarahkan pembubar supaya melantik orang tertentu untuk membantu pembubar dalam penggulangan sesebuah syarikat insurans yang tidak solven.
- (iii) Seksyen baru 29C memperuntukkan bahawa seorang pembubar adalah dikehendaki menyerahkan simpan dengan Ketua Pengarah Insurans laporan awal yang dikehendaki diserahkan simpan olehnya dengan Mahkamah dan Pegawai Pemegang Harta masing-masing. Ia juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans untuk meminta penyerahan apa-apa laporan, akaun dan pernyataan lain yang ditentukan olehnya;

- (iv) Seksyen baru 29D memperuntukan bahawa semua polisi yang dikeluarkan oleh seseorang penanggung insurans yang sedang dalam penggulangan hendaklah ditamatkan mulai dari tarikh perintah penggulangan itu. Ini merupakan peruntukan baru dan diperkenalkan untuk melindungi kepentingan pemegang polisi.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya cadangan-cadangan pindaan ini akan memberi faedah kepada pihak pengguna kerana ia memberi perlindungan yang lebih luas dan kemas kepada pemegang polisi dan pihak-pihak lain yang berkenaan. Ia juga akan melicinkan lagi proses pembubaran sesebuah syarikat insurans. Secara tidak langsung ianya juga akan meningkatkan kepercayaan orang ramai kepada industri insurane dalam negara kita.

Sejak mengambil alih peranan menyelia industri insurans dalam tahun 1988, pihak Bank Negara telah mengambil beberapa langkah untuk memajukan sektor insurans motor termasuklah:

- (i) mengeluarkan garis panduan mengenai bayaran loading bagi premium motor bagi menghadkan kadar maksimum loading yang boleh dikenakan;
- (ii) mewajibkan 20 syarikat insurans yang terpilih menambah portfolio insurans mereka;
- (iii) mengesyorkan langkah keselamatan bagi mencegah penipuan insurans motor;

- (iv) melaksanakan standard perakaunan insurans Malaysia dan pengeluaran garis panduan mengenai perakaunan;
- (v) mengukuhkan lagi sektor insurans motor dengan menubuhkan Pasukan Petugas Motor Khas bagi memerangi penipuan dalam insurans motor;
- (vi) memperbaiki sistem agihan serta mengetatkan kawalan terhadap perniagaan membaiki motor serta memudahkan susunan kata polisi motor; dan
- (vii) menubuhkan Pakatan Insuraus Motor Berisiko Tinggi,

bagi mengadakan sebagaimana yang saya nyatakan tadi, sebagai insurans, dengan izin 'the last resort'.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperbaiki polisi perkhidmatan kepada pemegang polisi serta pentadbiran perniagaan insurans motor pula, kajian sedang dijalankan terhadap cadangan bagi menggunakan Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai Pusat Kutipan Premium Setempat.

Bank Negara juga akan mengeluarkan garis panduan mengenai amalan menyelesaikan tuntutan yang bertujuan menyeragamkan beberapa prosedur menangani tuntutan bagi memastikan hak pemegang polisi dilindungi dan pertikaian mengenai penyelesaian tuntutan dikurangkan.

Melalui garis panduan yang dicadangkan itu amalan penyelesaian tuntutan akan lebih profesional dan tempoh penyelesaian tuntutan

dapat dipendekkan lagi. Dengan terlaksananya langkah-langkah ini perniagaan insurans motor dalam negara kita akan dapat berjalan dengan lebih cekap dan secara lebih profesional lagi.

Bank Negara akan terus mengawasi dengan rapi industri insurans negara kita agar kesulitan yang dialami oleh pemegang polisi tidak akan berulang lagi di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1963 dibaca yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

3.44 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1963 yang dinamakan Akta Insurans (Pindaan) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi, bahawa pada masa yang lalu dari pengalaman kita dua buah syarikat insurans telah pun menghadapi masalah, dan hari ini satu lagi syarikat insurans telah pun menghadapi masalah dan sedang diatasi.

Saya percaya kalau dibuat kajian secara terperinci kemungkinan ada 5 ataupun 6 lagi syarikat-syarikat insurans yang sedang menghadapi masalah sepertimana yang telah pun dihadapi oleh Syarikat Mercantile Insurauce. Tadi, dengan pindaan yang telah pun dibentangkan dan dengan adanya Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang telah pun dicadangkan kita harap dianya akan dapat memperbaiki lagi industri insurans di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa indistri insurans memainkan peranan yang sebegitu penting di dalam pembangunan ekonomi kita. Dengan perkembangan ekonomi negara, saya percaya industri insurans juga tetap terus berkembang dengan perkembangan yang sedang pun kita hadapi sekarang.

Pada masa-masa yang dahulu industri insurans hanya dikawal oleh pihak Kementerian Kewangan melalui Ketua Pengarah Insurans yang diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Pada hari ini industri insurans telah pun mula dikawal oleh kerana berkembang dengan sebegitu pesatnya telah pun dikawal oleh pihak Bank Negara. Kalau pihak kerajaan boleh menubuhkan Bank Negara untuk mengawal selia bank-bank yang beroperasi di negara kita ini, saya berpendapat telah pun sampai masanya kerajaan untuk memikirkan ataupun pihak Kementerian Kewangan untuk memikirkan, untuk menubuhkan satu badan yang

khas untuk mengawal selia industri insurans di negara kita **ini**. Kalau di peringkat Bank Negara mereka ini bertanggungjawab mengawal selia, menyiasat perkara-perkara yang berlaku dalam 37 bank-bank saudagar ataupun bank-bank awam yang terdapat di negara kita **ini**, saya percaya masanya telah pun sampai dengan perkembangan yang pesat dalam industri insurans **ini**, satu badan yang seperti Bank Negara juga ditubuhkan oleh pihak kerajaan untuk mengawal selia perjalanan syarikat-syarikat insurans, kerana perjalanan syarikat-syarikat insurans ini boleh dikatakan hampir-hampir sama juga dengan perjalanan bank-bank perdagangan.

Jadi, saya berharap pihak kementerian akan memikirkan dengan seriusnya supaya satu badan tidak lagi bergantung kepada Bank Negara kerana saya percaya Bank Negara juga mempunyai tugas-tugas yang sebegitu banyak untuk menyelia bank-bank yang terdapat di negara kita **ini**. Tidaklah adil kalau kita bebaskan pula Bank Negara dengan satu lagi tugas. Jadi, sebelum berlaku skandal-skandal ataupun penyelewengan-penyelewengan yang berterusan di dalam industri ini, saya berharap seperti mana yang saya telah pun cadangkan tadi, satu badan hendaklah ditubuhkan.

Saya juga berharap supaya satu pembaharuan terhadap industri insurans ini hendaklah difikirkan oleh pihak kementerian. Saya fikir telah pun sampai masanya pihak industri insurans juga beroperasi seperti juga industri-industri bank.

Saya fikir, kita tidak perlu lagi mempunyai agen-agen seperti yang ada sekarang **ini**. Agen-agen ini telah pun menambahkan kos, mereka ini mendapat komisyen 15% dan pada yang sama juga terdapat keadaan di mana berlakunya keadaan di mana agen-agen ini tidak amanah, tidak menyerahkan wang-wang yang telah pun dikutip daripada mereka yang membeli insurans kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Jika tidak ada masalah tidak apa, tetapi apabila timbul masalah biasanya yang terpaksa berkorban ataupun yang terpaksa menarima risiko ialah pemegang-pemegang polisi-polisi insurans.

Saya berharap badan yang ditubuhkan ini juga akan dapat mengawal perjalanan ataupun pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh syarikat-syarikat insurans. Ada kawalan terhadap pengarah-pengarah syarikat-syarikat insurans yang beroperasi.

Pada masa-masa yang dahulu kita dapati pengarah-pengarah syarikat insurans ini bebas untuk melakukan apa sahaja yang difikirkan, wang yang dikutip terpulang kepada mereka dalam bidang pelaburan apa yang hendak dimasuki.

Tidak ada kawalan yang sebegitu ketat seperti mana kawalan yang dikenakan kepada bank-bank oleh pihak Bank Negara. Saya harap badan ini dapat menyasat dan dapat memberikan garis panduan kepada Pengarah-pengarah Syarikat-syarikat Insurans mengenai bidang-bidang yang boleh diceburi dan bagaimana kewangan-kewangan yang dikutip boleh dipergunakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi semasa membentangkan usul **ini**, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menimbulkan soal insurans motor. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan masalah yang berlaku di dalam industri insurans adalah insurans motor, kerana insurans ini ada dua. Satu, General Insurance dan satu lagi Life Insurance. Dari segi Life Insurance tidak mempunyai masalah-masalah yang tertentu kerana ianya begitu 'straight forward', dengan izin. Tetapi yang berlaku banyak penyelewengan dan pengawasan yang lebih sepatutnya dikenakan ialah kepada insurans-insurans am seperti insuran motor, insuran kebakaran, insuran marin dan sebagainya. Dalam hal ini oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menyebutkan mengenai insurans motor, kita dapati memang menjadi rahsia umum bahawa banyak 'manipulation', dengan izin, boleh dilakukan di dalam insurans motor ini kerana empat pihak yang terlibat. Pertama pihak mekanik ataupun pihak kedai yang membuat repair kereta, kedua pihak Polis, ketiga pihak adjuster dan keempat pihak insurance company itu sendiri - biasanya Claim Manager. Kemungkinan ada elemen-elemen yang tertentu yang menyebabkan berlakunya

penyelewengan-penyelewengan (manipulations) di dalam claim yang dibuat terhadap insurans-insurans motor dan pada akhirnya pelanggan (customer) yang terpaksa membayar lebih.

Saya pun pernah dilaporkan oleh pihak-pihak tertentu, apabila berlaku sahaja satu eccident kereta, semua pihak memang bergegas untuk memberikan bantuan ataupun pertolongan. Polis pun bergegas untuk memberikan bantuan, pihak mekanik, pihak adjuster pun memang seronok kalau ada berlaku accident dan pihak Claim Manager di peringkat insurance company pun memang bergegas untuk memberikan bantuan ataupun pertolongan supaya sesuatu kes itu dapat diselesaikan. Saya percaya ramai daripada kita di sini mempunyai banyak pengalainan, iaitu dalam insurans motor apabila berlaku accident. Bil yang di 'claitn' itu kadang-kadang, dengan izin, 'beyond our imagination', kita pun tidak pernah terfikir bahawa kereta yang rosak sebegitu boleh menjadikan bil itu sebegitu banyak. Saya tidak tahu di mana manipulasi boleh berlaku di antara keempat-empat golongan yang terlibat di dalam suatu tuatutan itu.

Saya juga telah pun dimaklumkan bahawa pihak makenik ataupun pihak bengkel yang membaiki motor juga mempunyai alasan-alasan yang tertentu kenapa kadang-kala claim yang dibuat terlalu tinggi. Salah satu daripada alasannya ialah, di samping terpaksa memberikan kerjasama kepada ketiga-tiga pihak yang terlibat sama dalam sesuatu pelanggaran atau accident, kadang-kala bayaran yang dibuat oleh syarikat-syarikat insurans memakan masa yang begitu lama, ada masanya sehingga 6 bulan barulah dibayar oleh pihak insurans. Jadi, saya harsp supaya satu mekanisme dapat difikirkan supaya bayaran yang segera dapat dibuat oleh pihak insurans, kerana kereta sudah

dibaiki dan tuan punya pun sudah certify bahawa sesebuah kereta itu telah pun diselesaikan.

Saya tahu bahawa dalam sistem sekarang ini memang menjadi amalan dan juga persetujuan di antara bengkel- bengkel dengan pihak insurance company - tiga bulan daripada tarikh sesuatu bil itu dihantar barulah bayaran dibuat. Tetapi kepada pihak-pihak yang menjalankan bengkel, walaupun 3 bulan selepas sesuatu bil itu diserahkan, dia terpaksa pula membeli 'spare parts', dan membayar gaji pekerja-pekerja yang membuat kerja membaiki kereta yang rosak dan biasanya terpaksa ditambah lagi 3 bulan. Jadi, maknanya dalam erti kata duit yang diperolehi oleh pihak bengkel ialah selepas 6 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, iaitu peranan adjuster. Ada syarikat-syarikat insurans yang mempunyai 'in-house adjuster' - adjuster dalaman yang bekerja dengan syarikat insurans dan kita sebagai pemilik kenderaan terpaksa mendengar apa sahaja yang telah pun diluluskan oleh 'in-house adjuster'. Saya fikir tidaklah adil kalau adjuster ini terdiri daripada in-house kerana mereka ini adalah mereka yang sepatutnya menjadi pengadil di dalam sesuatu tuntutan yang dibuat oleh pihak pemegang insurans.

Jadi, sebaik-baiknya adjuster ini bukannya terdiri daripada in-house adjuster. Eloklah diadakan satu polisi bahawa syarikat-syarikat insurans tidak dibenarkan mempunyai adjuster sendiri. Adjuster ini biarlah independent kerana dia yang terpaksa membuat assesment. Kalau dia makan gaji dengan syarikat insurans tentulah dia akan menyebelakan syarikat insurans itu. Jadi, kita sebagai

pelanggan tidak ada pilihan, terpaksa menerima apa sahaja yang telah pun ditetapkan oleh pihak adjuster. Jadi, kalau dapat difikirkan satu mekanisme supaya syarikat-syarikat insurans ini tidak dibenarkan mempunyai adjuster sendiri. Kalau mereka mempunyai adjuster sendiri tentulah adjuster iai seperti mana yang telah pun saya katakan tadi akan menyebelahi kepada majikan, iaitu syarikat insurans di mana mereka itu bertugas ataupun bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menyebut supaya sistem ejen ini dihapuskan - dimodenkan industri insurans **ini**. Kita buat macam mana kita 'deal' dengan bank. Kalau kita hendakkan polisi insurans, kita pergi kepada syarikat insurans yang berkenaan dan tidak payah lagi adanya ejen-ejen. Walaupun ada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan, kadang-kala terdapat ejen-ejen yang tidak bertanggungjawab. Kita sebagai pelanggan, duit telah pun kita bayar kepada ejen-ejen berkenaan tetapi wang ini tidak diserahkan kepada pihak syarikat insurans.

Kemungkinannya ada peraturan di mana kalau polisi dan cover-note telah pun dikeluarkan maka syarikat insurans itu hendaklah bertanggungjawab. Tetapi masalahnya, perkara ini kadang-kala itu boleh dipertikaikan. Ada juga syarikat-syarikat insurans yang memertikaikan walaupun cover-note telah pun dikeluarkan tetapi oleh kerana ejen tidak menyerahkan wang bayaran kepada syarikat insurans, jadi itulah sebabnya pihak syarikat insurans tidak mengambil tanggungjawab apabila berlaku sesuatu kemalangan. Apabila industri insurans ini dimodenkan nanti kita harap supaya sistem yang sama, di mana kalau orang hendak membeli insurans dia pergi kepada pihak bank atau pihak syarikat insurans itu sendiri. Dia berurusan terus dan tidak lagi melalui ejen-ejen yang dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi saya telah pun menyentuh mengenai insuran am, khasnya dalam motor insurans; saya juga ingin menyentuh tentang insurans nyawa ataupun insuran jaminan hidup. Saya telah pun difahamkan pihak Kerajaan ataupun pihak Bank Negara telah pun mengambil langkah mengurangkan komisyen kepada agen-agen insurans dari segi jaminan hidup. Awal dahulunya 60% pada tahun yang pertama, tetapi sekarang ini telah pun diturunkan kepada 40%, dan saya telah pun difahamkan bahawa usaha-usaha Bank Negara telah pun membuat cadangan supaya komisyen yang diperolehi oleh insurans-insurans agen hendak dikurangkan lagi kepada 25% pada tahun yang pertama. Pada masa yang sama pula saya difahamkan keuntungan ataupun kelebihan yang terdapat itu tidak dipulangkan kepada pemegang-pemegang polisi, tetapi lebih diberikan kepada syarikat-syarikat insurans yang berkenaan.

Dan saya juga difahamkan bahawa pihak Bank Negera juga telah menentukan supaya dividen tahunan bagi setiap RM1,000 insurans yang dibeli telah pun ditetapkan kepada RM28.00. Walaupun syarikat insurans sendiri bersetuju bercadang untuk memberi RM32.00 kepada pemegang-pemegang polisi, tetapi Bank Negara sendiri - saya tak tahu dengan alasan apa, telah pun membuat cadangan supaya diturunkan kepada RM28.00 kalau tidak silap saya.

Jadi, tindakan-tindakan ini saya percaya biarlah the market forces yang menentukan dari segi dividen yang patut dibayar. Kalau syarikat mampu untuk membayar RM32.00 umpama bagi tiap-tiap RM1,000 insurans yang kita beli, kita biarkan dengan keadaan yang

sedemikian. Saya berharap supaya pihak Bank Negara juga dapat mengadakan ataupun pihak-pihak yang terlibat dapat berbincang secara mendalam dengan pihak-pihak yang terlibat dari segi insurans jaminan hidup ini, supaya mendapatkan pandangan mereka sebelum sesuatu perubahan dibuat - dulu 60% komisyen pada tahun yang pertama, tetapi sekarang ini dikurangkan kepada 49%. Sekarang ini hendak dikurangkan pula kepada 25%. Kita tahu bahawa agen-agen insurans ini bekerja, mereka itu tidak mendapat gaji, kadang-kadang 20 orang yang ditemui, kalau dapat seorang pun yang membeli insurans, itu pun boleh dikatakan telah pun satu kejayaan. Mereka tidak dibayar gaji oleh pihak syarikat insurans yang berkenaan,

Jadi, saya berharap supaya pihak kementerian dapat melihat perkara ini, dan saya telah pun memberikan beberapa cadangan, dan saya berharap pihak kementerian dapat memikirkan supaya industri insurans ini dapat dimantap dan diperkuat dan diperkukuhkan lagi supaya kepercayaan dan juga keyakinan orang ramai ataupun kita yakin bahawa rakyat terus meninggi kepada industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata **itu**, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Insurans (Pindaan) 1994. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickara.

4.04 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut menyokong Akta untuk meminda Akta Insurans 1963. Akta ini bertujuan mengkaji semula kawalan Bank Negara ke atas industri insurans untuk membolehkan ia memperbaiki lagi skop perlindungannya dan untuk memperkemas lagi proses pembubaran syarikat-syarikat insurans yang menghadapi masalah.

Pihak pengguna, iaitu mereka yang mengambil perlindungan insurans adalah didapati di bawah peruntukan yang sedia ada tidak mendapat perlindungan yang sepatutnya. Akta ini diharap akan dapat memberikan pihak pengguna perlindungan yang lebih luas. Peruntukan diperlukan terutamanya untuk melindungi kepentingan pemegang polisi dan pihak yang layak-menuntutnya kerana sebuah syarikat insurans yang dalam penggulungan tidak dapat mengadakan perlindungan yang insurans atau membayar apa-apa tuntutan dengan memadai.

Tuan Yang di-Pertua, pengguna-pengguna di negara ini agak sangat pasif. Mereka ini tidak begitu termaklum atas hak-hak mereka sebagai pengguna. Ramai pengguna yang dipedayakan oleh pihak penjual insurans. Dalam hal menuntut insurans sahaja, ramai pelabur yang ditipu oleh syarikat insurans, agen insurans dan lebih-lebih lagi oleh pihak peguam yang tidak jujur. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa pembentangan tadi, di negara Amerika, perlindungan adalah lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, di Hawaii terdapat banyak pokok-pokok kelapa. TeCapi saya hairan apabila tiada sebiji kelapa pun atas pokok-pokok itu. Apabila saya tanya tentang hal itu, saya diberitahu oleh seorang tempatan, iaitu semua kelapa itu dipetik oleh pemilik-pemilik pokok itu sendiri kerana takut kalau kelapa itu jatuh atas kepala sesiapa pun. Mereka akan menuntut ganti rugi insurans. Tetapi di sini bukanlah begitu. Denga . kawalan yang lebih rapi ke atas pelaburan dari wang pelabur, pemegang-pemegang polisi ini diharap akan dapat mengurangkan kegiatan penyalahgunaan dan akan berhati-hati dengan pelaburannya. Ini juga akan meningkatkan kepercayaan orang ramai kepada industri insurans negara, dan

kepercayaan ini akan menarabahkan lebih ramai pelabur melabur dalam skim insurans.

Perletakan tugas pengawasan di bawah Ketua Pengarah Insurans dalam kes-kes pembubaran syarikat insurans di bawah seksyen baru 29A dan arahan Ketua Pengarah Insurans dalam menjalankan fungsi-fungsinya, adalah merupakan satu alternatif yang baru yang akan dapat menyelesaikan masalah kes pembubaran dengan lebih berkesan dan akan mengurangkan kejadian penyelewengan pengurus-pengurus syarikat insurans tersebut. Pemberian kuasa di bawah Seksyen 29C untuk mengambil laporan, akaun dan pernyataan lain akan dapat mengawal dengan lebih berkesan progres ataupun pelaksanaan proses pembubaran.

Tuan Yang di-Pertua, di antara masalah-masalah di dalam industri insurans, saya fikir adalah keadaan disiplin kewangan yang longgar terutamanya di kalangan agensi-agensi yang perlu dikawal, supaya menangani masalah-masalah yang berlanjutan dari keadaan ini. Masalah penyelewengan di kalangan pengendali-pengendali insurans itu sendiri mestilah diberi perhatian supaya dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Persaingan sengit di kalangan pelabur-pelabur insurans kerana terdapat terlalu banyak agensi-agensi insurans tempatan dan dari luar negeri berbanding dengan pasaran yang kecil. Keadaan ini mestilah diatasi dengan kaedah merger di kalangan agensi-agensi tempatan yang akan memperkukuhkan lagi industri ini.

Mengikut statistik saya difahamkan terdapat lima syarikat insurans nyawa yang besar, 43 syarikat insurans am dan 13 syarikat insurans composite. Ini adalah merupakan satu bilangan yang besar berbanding dengan negara kita yang masih muda dan kecil pasarannya.

Di antara jumlah itu adalah didapati 60% daripada syarikat insurans yang beroperasi dalam negeri sekarang dikuasai oleh syarikat insurans dari luar negeri.

Rombakan yang akan dibawa oleh Akta ini dan cadangan penggabungan syarikat-syarikat kecil **ini**, syarikat-syarikat insurans tempatan bukan sahaja dapat menangani "kepercayaan rakyat, tetapi juga boleh menghadapi saingan daripada syarikat insurans luar negeri. Usaha penggabungan syarikat insurans ini juga dapat mengatasi masalah ketidakcukupan modal di kalangan syarikat insurans dalam negeri dan boleh berusaha memperbaiki kualiti perkhidmatan dan pentadbiran yang bermutu. Agensi-agensi insurans pada masa ini saya fikir lebih bertumpu dalam pengutipan premium, tetapi kurang memberi perhatian kepada kebajikan pemegang-pemegang insurans itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan pengetahuan di kalangan pengguna mengenai industri insurans sendiri merupakan satu sebab yang menyebabkan berlakunya kejadian penipuan dan penyelewengan. Pada masa sekarang ramai bakal pelanggan yang mengelakkan agen-agen insurans.

Saya suka mencadangkan di sini, pengguna ataupun pelanggan diberi didikan tentang operasi dan keistimewaan insurans supaya mereka dapat, dengan izin, appreciate, tentang kepentingan peranan dan faedah insurans itu. Pendidikan ini boleh diberikan sebagai satu perkhidmatan selepas jualan yang dapat meliputi pengetahuan mengenai cara-cara mendapat atau menuntut wang pelaburan mereka.

Adalah diharapkan juga dengan Akta ini industri insurans keseluruhannya dapat diberikan satu 'face-lift' ataupun satu penilaian baru secara satu rombakan pengawasan keseluruhannya. Dan adalah diharapkan di masa hadapan, syarikat-syarikat insurans yang beroperasi di negara ini benar-benar boleh memberi jaminan dan perkhidmatan yang lebih efisien kepada pemegang-pemegang polisinya yang boleh mengurangkan kejadian-kejadian seperti Mercantile Insurance Sdn. Bhd.

Adalah juga diharapkan peranan baru yang diberikan kepada Bank Negara dapat membantu dalam usaha memperbaiki taraf dan prestasi

industri insurans tempatan dan lebih prihatin terhadap masalah pemegang polisi dalam kes-kes solvency.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Akta ini .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

4.12 ptg.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini untuk memberikan sedikit pandangan tentang Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 1994.

Menurut kajian dan analisa Bank Negara, mereka yang terlibat dalam urusan insurans seperti urusan perjanjian, tuntutan dan meng-insurans semula hanya terdiri daripada 33% yang benar-benar berkelayakan dan berpengetahuan insurans. Sementara di pihak pengurusan tertinggi pula, peratusan kelayakan hanya di kadar 53%. Di antara 18 buah syarikat nyawa dan syarikat am hanya 6 buah sahaja yang mendapatkan khidmat dan mempunyai perkhidmatan pengurusan yang tersendiri dan berkelayakan, sementara 12 buah lagi bergantung kepada tenaga luar bagi menguruskan segala urusan pentadbiran syarikat. Di antara tenaga-tenaga luar ini hanya 29% sahaja yang benar-benar mempunyai kelayakan.

Berdasarkan laporan tahunan **ini**, jelas memperlihatkan bahawa industri insurans di negara ini masih menghadapi kekurangan tenaga mahir yang serius, Sama ada di peringkat bawahan mahupun di peringkat pengurusan. Industri insurans di negara ini adalah

merupakan sebagai sebahagian daripada industri finance yang berfungsi sebagai memberi perlindungan dan kepentingan kepada orang ramai. Kakitangan yang terlibat dalam industri ini haruslah terdiri daripada golongan profesional. Oleh itu, pihak kerajaan, Bank Negara perlu mengambil berat di dalam urusan yang berkenaan.

Kita sedia maklum pengetahuan dan kemahiran pengurusan adalah penting bagi mengendalikan sesuatu organisasi. Jika pihak insurans menghadapi kepincangan dan kekurangan tenaga mahir yang berkelayaan, sudah tentu syarikat yang berkenaan juga akan pincang. Kepentingan orang ramai tidak dapat dipenuhi. Kita berasa bimbang jika keadaan ini dibiarkan berlanjutan sudah Centu keuntungan atau pulangan akan merosot.

Di samping itu, kepentingan pelanggan-pelanggan juga tidak terjamin. Dengan itu, pihak Bank Negara patut mengetatkan penyeliaan terhadap industri insurans di negara ini.

Akhirnya ,saya menyokong Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 1994. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa dan Yang Berhormat Puan Kian Sit Har kerana mengambil

bahagian membahaskan Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 1994 ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih ke atas pandangan-pandangan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har membangkitkan tentang masalah pengurusan di syarikat-syarikat insurans, kekurangan tenaga yang mahir, yang beramanah dan sebagainya. , Sesungguhnya ialah antara masalah utama yang dihadapi oleh industri insurans di mana pada masa lalu didapati bahawa tenaga pengurusan, kurang kemahiran dan kurang amanah. Pada pandangan kerajaan, sekiranya dapat kita tingkatkan tahap kemahiran dan tahap amanah para pengurus syarikat-syarikat insurans **ini**, maka kita akan dapat melihat industri insurans dapat berkembang dengan lebih baik lagi dimasa yang akan datang,

Kita tahu bahawa yang penting dalam apa juga organisasi ialah pengurusan dan jika pengurusannya lemah dan pincang, maka industri, mana-mana jua organisasi ataupun syarikat akan menghadapi masalah, Jadi, kita ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kian Sit Har kerana mengemukakan pandangan berkaitan dengan tahap pengurusan yang lemah di kalangan syarikat-syarikat insurans.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Bank Negara telah pun mengambil tindakan terhadap pengarah-pengarah yang didapati, dengan izin, tidak 'fit' dan 'proper' untuk menguruskan syarikat insuran ini terntasuklah mereka yang telah menyeleweng dan mereka yang telah melakukan pelbagai salah laku dan kesalahan

seperti yang terdapat dalam Akta Insurans. Urapamanya, beberapa pengurus syarikat insurans, sedikit masa dahulu kita telah mengambil tindakan terhadap mereka, pada tahun 1991 kita telah mengambil tindakan terhadap .pemimpin-pemiinpin ataupun pengurusan tertinggi Pan-Global Insurance bagi memastikan bahawa syarikat tersebut akan berjalan dengan baik dan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba antara lain menyarankan agar badan khas ditubuhkan untuk mengawal selia ataupun 'supervise industry insurance'. Seperti mana yang saya tegaskan pihak Bank Negara telah mengambil alih pengawalseliaan dan pengawasan industri insurans ini sejak bulan Mei 1988 iaitu kira-kira enam tahun yang lalu. Antara sebab kenapa kita memindahkan pengawalseliaan industri insurans kepada Gabenor Bank Negara, antara lainnya ialah kerana di Bank Negara terdapat tenaga kepakaran yang meraang sudah pun mengawal selia institusi kewangan khususnya bank-bank dah juga syarikat-syarikat kewangan. Dengan itu, jika tugas pengawalseliaan industri insurans dilakukan oleh Gabenor Bank Negara akan terdapat, dengan izin, 'senergy', oleh kerana metnang itulah tugas Bank Negara untuk mengawal selia industri syarikat-syarikat kewangan dan bank dalam negara kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di Bank Negara kita ada 220 orang pegawai yang tugas mereka khas untuk mengawal selia industri insurans. Dalam inspection ataupun pengawasan **ini**, kita

ada 100 orang dan dalam seksyen pengawasan dan pengawalan, inspection ini bermaksud mereka yang bertanggungjawab dikehendaki untuk melihat kepada akaun, kepada sebarang salah laku yang disyaki berlaku, mereka ini bilangannya 100 orang ditugaskan untuk mengawasi perjalanan syarikat insurans.

Jadi, dengan bilangan pegawai 220 orang, kami merasakan bahawa pihak Bank Negara mampu untuk melaksarakan tugas yang telah pun diberikan kepada mereka. Dan kerajaan berpendapat pada ketika ini tidak perlu diadakan badan khas untuk mengawal selia industri insurans.

Kita penuh yakin, Ketua Pengarah Insurans dengan 220 orang pegawai yang ada mampa untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba membangkitkan tentang masalah agen ini. Beliau mencadangkan agar syarikat-syarikat insurans juga beroperasi seperti bank di mana bank-bank sebagaimana yang kita tahu tidak menggunakan agen sebaliknya syarikat insurans menggunakan agen untuk memasarkan barangan mereka, perlindungan insurans dan di dalam negara kita terdapat kira-kira 80,000 agen insurans pada masa ini.

Sistem yang ada sekarang ini sedang diteliti dan diawasi oleh Kerajaan. Memanglah cara bank beroperasi untuk memasarkan produk berlainan dengan industri insurans tetapi untuk meminda dan membuat perubahan secara radikal ke sistem yang sudah bertahun-tahun ber-Capak di negara kita yang melibatkan 80,000 orang yang bergantung hidup kepada industri ini. Mereka yang bergantung hidup dalam erti kata 'vocation', ini merupakan pekerjaan mereka,

Jadi, oleh itu cadangan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba itu memerlukan kajian yang amat mendalam sebelum sebarang keputusan dibuat berkaitan dengan sistem agen. Kita berpendapat sistem agen ini ada baiknya. Sistem agen ini membolehkan syarikat insurans memasarkan produknya kepada kawasan yang luas, ke pedalaman, ke mana-mana jua ia bergantung kepada inisiatif, daya usaha agen yang

berkenaan - ada baiknya. Namun demikian, kita mengambil perhatian-lah cadangan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Selain itu ingin dimaklumkan bahawa agen-agen ini adalah dikawal oleh badan-badan atau pertubuhan yang mana mereka menjadi ahli umpamanya bagi Life Insurance ada NAMLIA dan juga ada JAMIN dan beberapa pertubuhan lain lagi yang ada untuk agen-agen **ini**. Mereka merupakan badan-badan yang akan mengawasi perjumpaan agen-agen jika ada penipuan ataupun penyelewengan maka badan-badan ini dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan terhadap mereka.

Mengenai Pengarah, saya telah menyatakan tadt apabila menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kian Sit **Har**, tindakan sentiasa diambil, gerak-geri mereka sentiasa diawasi bagi memastikan pengarah dan pengurusan tertinggi menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan berkesan, tidak ada penyelewengan yang berlaku.

Berkaitan dengan industri insurans motor, inilah bahagian dalam insurans yang menirabulkan paling banyak masalah. Umpamanya pada tahun lalu kita menerima 2,945 komplain daripada orang ramai dan daripada jumlah tersebut, kira-kira 2,721 iaitu kira-kira 92% merupakan komplain terhadap 'general insurance' dan 'general insurance' ini kebanyakannya merupakan motor insurans. Mengenai 'life insurance' tidak ada banyak masalah dan kita dapati bahawa tahun lepas umpamanya, Bank Negara menerima kira-kira 240 komplain setiap bulan daripada pengguna.

Antara kompelin yang ditimbulkan cermasuklah kelewatan dalam menyelesaikan tuntutan. Pada masa ini, masa diambil daripada proses mula hingga akhir, daripada mula umpamanya kita berkaitan dengan insurans motor, daripada hari kita mengalami kemalangan sehinggalah kita mendapat cek pampasan, masa yang "diambil adalah kira-kira 6 bulan, satu masa yang lama. Kerajaan mengarabil berat perkara ini dan kita sedang merangka dan berbincang dengan pihak industri bag_ memendekkan tempoh tersebut kepada kira-kira 1 1/2 hingga bulan sahaja apabila garis panduan ini diperkenalkan setelah perbincangan selesai diadakan antara Bank Negara dengan industri insurans maka perlindungan yang lebih akan dapat diberikan kepada para pengguna kepada para pemegang polisi.

Yang Berhormat Tuan Rahira bin Baba juga membangkitkan tentang 'in-house Adjuster' ini. Beliau menyatakan bahawa ini tidak adil. Tidak banyak syarikat insurans yang mempunyai 'in-house Adjuster' antara sebab-sebab kenapa 'in-house Adjuster' ini diadakan ialah untuk mengurangkan kos. Jadi, kita berharap dengan pengurusan yang lebih amanah, yang lebih cekap, penyelewengan-penyelewengan yang mungkin berlaku dilakukan oleh 'insurance Adjuster' yang dibangkitkan itu akan dapat dikurangkan.

Berkaitan dengan kos yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, kita dapati bahawa kos untuk menjual insurans di dalam negara kita ini amat tinggi sekali dan pihak Bank Negara telah pun mengeluarkan beberapa garis panduan untuk mengurangkan kos pengurusan untuk mengurangkan kadar komisyen dan beberapa garis panduan baru akan diperkenalkan termasuklah garis panduan mengenai

"life insurance agents' yang sekarang ini masih lagi dalam perbincangan. Jadi, kos ini memang tinggi, Kita dapati umpamanya berkaitan dengan kos menjual polisi nyawa ataupun 'life insurance'¹ kita dapati bahawa kos komisyen di negara kita ini adalah 50% lebih tinggi daripada kos di Singapura dan lebih 300% lebih Cinggi daripada kos di Amerika Syarikat. Kos memang tinggi dan kita sedang berunding dengan pihak-pihak berkenaan bagi mengkaji kemungkinan mengurangkan kos supaya jika dikurangkan kos maka para pengguna juga akan raenikmati faedah yang lebih baik.

Secara umumnya kita telah pun dapat melihat pengurangan sejak Bank Negara mengambil alih pengawalan industri insurans ini kita dapati bahawa tahap kos sudah pun berkurangan umpamanya berkaitan dengan 'management expenses' kita dapati pada masa ini kosnya kira-kira 19.5%, komisyen untuk beberapa jenis insurans telah turun daripada 27% kepada 11%. Pada umumnya telah terdapat penurunan dalam kadar kos **ini**. Kita masih lagi belum berpuas hati dan kita sedang mengadakan perundingan dengan pihak-pihak berkenaan iaitu Kementerian Kewangan, pihak Ketua Pengarah Insurans dan pihak industri mengenai garis panduan untuk memastikan kos ini dapat kita kurangkan.

Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam antara lain menyatakan bahawa bilangan syarikat insurans di dalam negara kita adalah terlalu banyak dan beliau mencadangkan agar dilakukan penggabungan ataupun 'merger' supaya modal dapat dipertingkatkan dan

mungkin pengurusan dapat diperbaiki. Beliau juga berkata bahawa sebahagian besar dari pasaran insurans dalam negara kita adalah dikawal oleh syarikat-syarikat insurans asing. Kita ada 52 syarikat insurans am dalam negara kita dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa bual negara lain -urapamanya Jepun cuma ada di sekitar .10 syarikat insurans nyawa sahaja. Sebuah negara yang besar, penduduknya lebih lima kali ganda bilangan penduduk negara kita tetapi bilangan syarikat insuransnya cuma 20% dari bilangan syarikat insurans yang ada di negara kita. Memang dari segi dasarnya, kerajaan menggalakkan penggabungan ataupun 'merger' antara syarikat-syarikat insurans dan memang telah pun beberapa syarikat insurans yang telah bergabung tetapi dalam hal **ini**, kita tidak boleh memaksa syarikat-syarikat insurans. Kita berharap lebih banyak lagi syarikat-syarikat insurans akan bergabung satu sama lain, dengan itu akan menarabahkan modal, akan memperbaiki pengurusan mereka dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pengguna.

Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam juga membangkitkan tentang masalah berkaitan dengan syarikat insurans yang kurang memberi perhatian kepada kebajikan "policy holders' ataupun pemegang polisi. Mereka secara umumnya lebih berminat untuk mengutip premium dan ini memang tanggapan orang ramai dan kita dapati tanggapan ini ada kebenarannya, ada syarikat-syarikat insurans yang memberi banyak perhatian kepada usaha untuk mengutip premium tetapi apabila datang kepada menjaga kepentingan pemegang polisi mereka jarang sekali memberi perhatian yang diharap-harapkan. Maka **itu**, kita dapati kelewatan berlaku. Maka **itu**, kita dapati penyelewengan berlaku. Maka **itu**, kita dapati ada pemegang polisi yang terpaksa pergi ke mahkamah memakan masa bertahun-tahun sebelum tuntutan dapat diselesaikan.

Kita berharap dengan adanya pengurusan yang lebih baik, yang amanah dan berkesan dengan adanya garis panduan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara, maka syarikat-syarikat insurans akan memberi perhatian yang lebih kepada kebajikan pengguna termasuklah langkah-langkah diambil untuk memastikan bahawa tuntutan dapat diselesaikan dalam masa yang lebih singkat.

Begitu juga kita dapati bahawa dalam negara kita, para pengguna kurang pengetahuan tentang industri insurans ini oleh kerana consumers education ini kurang, dengan itu kita dapati mungkin ada kalangan orang ramai yang tertipu dengan janji-janji dan kata-kata manis daripada insurances agent dan ini memang berlaku dan kita berharap persatuan-persatuan yang terlibat dalam insurans ini akan meningkatkan tahap kesedaran rakyat tentang industri insurans. Pihak kerajaan kita dari semasa ke semasa akan memberikan kesedaran kepada rakyat tentang industri insurans. Selain dari itu kita minta supaya badan-badan consumers ataupun badan-badan pengguna akan memainkan peranan untuk memberi penjelasan kepada pengguna-pengguna.

Di negara kita, bilangan mereka yang ada Life Insurance cuma kira-kira 162 atau 17% berbanding dengan hampir 1002 di negara Jepun dan ini ada kaitannya dengan tahap consumer's education yang mungkin kurang dan tahap kefahaman mengenai insurans yang kurang, oleh itu prospek dan potensi untuk industri-industri insurans berkembang adalah baik dan kita berharap pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan untuk memberi kesedaran yang lebih kepada rakyat tentang apa yang dimaksudkan dengan insurans dan apakah jaminan-

jaminan yang boleh diberikan oleh syarikat insurans.

Yang Berhormat Tuan Rahira bin Baba telah membangkitkan tentang masalah dividen yang dikatakan dikawal oleh Bank Negara. Saya akan menyiasat perkara ini dan akan melaporkan kepada beliau tentang keadaan sebenarnya berkaitan dengan dividen ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam dan Yang Berhormat Puan Kian Sit Har kerana mengambil bahagian membahaskan pindaan kepada Akta Insurans 1994. Jika ada perkara-perkara yang tidak saya sentuh, maka Ahli Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan saya untuk mendapat penjelasan yang lanjut. Bagi pihak Kementerian Kewangan, saya ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyokong Rang Undang-undang **ini**. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN) (80.2) 1994**Bacaan Kali Tang Kedua dan Ketiga****4.36 ptg.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya . Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (pindaan) (No.2) 1994 dibacakan pada kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah untuk membolehkan insentif-insentif baru yang diumumkan semasa Belanjawan 1994 serta pengumuman-pengumuman berikutnya dilaksanakan. Insentif-insentif tersebut meliputi kajian semula insentif untuk menggalakkan pembangunan industri berteknologi tinggi serta aktiviti penyelidikan dan kemajuan (R&D), pakej insentif bagi menggalakkan industri yang ditempatkan di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta pindaan-pindaan teknikal dan consequential perlu yang berkaitan.

Tujuan utama insentif-insentif baru seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang diperkenalkan adalah untuk meningkatkan daya saing sektor perindustrian negara melalui peningkatan kecekapan pengeluaran dan produktiviti dengan kos pengeluaran yang lebih rendah khususnya insentif-insentif baru yang dicadangkan ini dijangka akan dapat menggalakkan kegiatan R&D oleh syarikat-syarikat perkilangan di negara ini serta boleh mendorong meningkatkan penggunaan teknologi tinggi dalam proses pengeluaran. Dalam jangka roasa panjang pula, insentif-insentif baru yang dicadangkan akan dapat

membantu meningkatkan keupayaan dan kecekapan teknologi tempatan yang diperlukan dalam sektor perkilangan selaras dengan wawasan menjadikan negara ini negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Pakej insentif bagi aktiviti R&D di dalam Rang Undang-undang ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu:-

(i) insentif bagi Syarikat R&D Kontrak (Contract R&D Company);

(ii) insentif bagi Syarikat R&D (R&D Company); dan

(iii) insentif bagi penyelidikan dalam syarikat (in-house research).

(i) **Insentif bagi Syarikat R&D Kontrak**

Pada masa ini, syarikat atau institusi penyelidikan yang menjalankan kegiatan R&D bagi sesuatu industri layak menuntut pengecualian cukai sepenuhnya selama 5 tahun di bawah seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967. Di samping itu, di bawah Akta yang sama, syarikat yang menggunakan khidmat syarikat atau institusi penyelidikan berkenaan layak menuntut potongan dua kali ke atas perbelanjaan penyelidikan berkenaan.

Bagi tujuan proraosi yang lebih berkesan serta untuk menyelaraskan insentif R&D baru yang dicadangkan dalam Belanjawan 1994, insentif yang sedia ada itu kini diselaraskan di bawah satu Akta

seperti di dalam Rang Undang-undang **ini**. Untuk tujuan tersebut, syarikat atau institusi penyelidikan tersebut kini dikategorikan sebagai Syarikat R&D Kontrak. Bagi tujuan insentif ini, Syarikat R&D Kontrak ditafsirkan sebagai suatu syarikat yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia hanya kepada syarikat selain daripada syarikat berkaitannya.

Di bawah Rang Undang-undang **ini**, syarikat R&D Kontrak boleh diberi insentif pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan statutory dalam bentuk galakan Taraf Perintis (TP) untuk 5 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal untuk tempoh 10 tahun. Insentif ini terbuka kepada semua sektor.

Di samping **itu**, insentif potongan dua kali ke atas perbelanjaan R&D bagi projek penyelidikan yang menggunakan perkhidmatan penyelidikan Syarikat R&D Kontrak akan terus dikekalkan.

Insentif bagi Syarikat R&D Kontrak ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan 1994.

(ii) Insentif bagi Syarikat R&D

Sebagai usaha bagi menggalakkan syarikat perkilangan menjalankan projek-projek penyelidikan bagi syarikat-syarikat berkaitan dalam kumpulannya, Rang Undang-undang ini telah mencadangkan insentif bagi syarikat R&D. Untuk tujuan tersebut, di bawah insentif ini, Syarikat R&D ditakrifkan sebagai suatu syarikat yang menjalankan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat berkaitannya atau kepada mana-mana syarikat lain.

Insentif bagi Syarikat R&D di bawah Rang Undang-undang ini adalah dalam bentuk ECP sahaja. Syarikat R&D boleh diberikan ECP 100% ke atas perbelanjaan modal bagi penyelidikan untuk tempoh 10 tahun. Walau bagaimanapun, kadar elaun tahunan yang boleh dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan maksimumnya setakat 70% daripada pendapatan statutori. Elaun-elaun modal yang tidak terpakai bagi sesuatu tahun taksiran serta kerugian dalam tempoh pengecualian cukai boleh dibawa ke hadapan berdasarkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Galakan ini terbuka kepada semua sektor.

Selaras dengan tujuan menggalakkan Syarikat R&D menjalankan penyelidikan bagi syarikat-syarikat berkaitannya, galakan potongan dua kali ke atas perbelanjaan penyelidikan oleh syarikat-syarikat berkaitannya tidak dibenarkan. Ini adalah juga untuk mengelakkan keraungkinan berlakunya amalan transfer pricing, dengan izin, oleh syarikat-syarikat berkaitannya. Walau bagaimanapun, sekiranya Syarikat R&D memilih untuk tidak menikmati galakan Syarikat R&D ini, syarikat-syarikat berkaitannya layak mendapat potongan dua kali ke atas projek-projek S&D. Namun demikian, syarikat selain daripada syarikat berkaitannya boleh menuntut potongan dua kali ke atas perbelanjaan "R&D. Insentif bagi Syarikat K&D ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan 1994.

(iii) Insentif bagi penyelidikan dalam syarikat.

Di samping Syarikat R&D Kontrak dan Syarikat R&D, terdapat juga syarikat yang menjalankan penyelidikan dalara syarikat untuk kegunaannya sendiri. Penyelidikan dalam syarikat ditakrifkan sebagai R&D yang dijalankan di Malaysia dalam satu syarikat bagi roaksud perniagaan sendiri.

Di bawah Rang Undang-undang ini, penyelidikan dalam syarikat int layak mendapat insentif ECP untuk tempoh 10 tahun dengan kadar 50% ke atas perbelanjaan modal. Elaun yang boleh dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dibenarkan maksimumnya setakat 70% ke atas pendapatan statutori. Elaun-elaun modal yang tidak terpakai bagi sesuatu tahun taksiran serta kerugian dalam tentpoh pengecualian cukai boleh dibawa ke hadapan berdasarkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada.

Inaentif ini terbuka kepada semua sektor yang diliputi di bawah PIA 1986 yang menjalankan kegiatan R&D yang boleh dianggap sebagai keluaran atau aktiviti yang digalakkan tanpa mengira lokasi.

Insentif bagi penyelidikan dalam syarikat ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan 1994.

(iv) **Pakej Insentif untuk Syarikat Berteknologi Tinggi**

Tuan Yang di-Pertua, pelan tindakan pembangunan teknologi perindustrian bagi menggalakkan pembangunan industri berteknologi tinggi telah membuat beberapa perakuan supaya pakej insentif yang lebih menarik disediakan. Berdasarkan perakuan-perakuan tersebut, insentif untuk syarikat berteknologi tinggi telah dimuatkan dalam Rang Undang-undang **ini**. Syarikat berteknologi tinggi ditafsirkan sebagai syarikat yang terlibat dalam aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran keluaran digalakkan dalam bidang teknologi yang baru dan memuncul atau dengan izin, new and emerging technology.

Di bawah Pang Undang-undang **ini**, syarikat berteknologi tinggi layak diberi pengecualian cukai 100% dalam bentuk galakan taraf perintis (TP) selama 5 tahun atau galakan Elaun Cukai Pelaburan pada kadar 60% selama 5 tahun. Bagi galakan ECP ini, tiada had ditetapkan bagi pengurangan elaun bagi setiap tahun taksiran. Ini bermakna syarikat boleh menggunakan sepenuhnya ECP. Di samping itu, elaun-elaun modal yang tidak terpakai bagi sesuatu tahun taksiran serta kerugian dalam tempoh pengecualian cukai boleh dibawa ke hadapan berdasarkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, bagi taraf perintis, elaun modal dan kerugian tidak dibenarkan dibawa ke hadapan. Insentif bagi industri berteknologi ini adalah terbuka untuk semua sektor yang diliputi di bawah PIA 1986 yang terlibat atau mengeluarkan aktiviti atau keluaran yang digalakkan.

Satu senarai aktiviti atau keluaran digalakkan dalam bidang-bidang teknologi baru dan memunculkan akan disediakan bagi tujuan insentif ini. Senarai aktiviti atau keluaran yang digalakkan akan dikaji dari masa ke masa bagi memastikan syarikat-syarikat akan terus menggunakan teknologi tinggi dalam proses pengeluarannya.

Insentif bagi syarikat-syarikat berteknologi tinggi juga meliputi galakan untuk firma baru berasaskan teknologi (NTBF). Insentif bagi NTBF sekarang ini disediakan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Memandangkan insentif untuk syarikat berteknologi tinggi di bawah Rang Undang-undang ini adalah lebih luas dan boleh menampung keperluan insentif syarikat NTBF, adalah dicadangkan supaya galakan tersebut diselaraskan di bawah galakan bagi syarikat berteknologi tinggi.

Insentif bagi syarikat berteknologi tinggi ini berkuatkuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri dalam suatu Warta.

(v) Pakej Insentif bagi Syarikat yang ditempatkan di kawasan digalakkan dalam kawasan Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Untuk memastikan pembangunan yang seimbang di antara Wilayah dan hasrat untuk mendorong lebih banyak pelaburan di negeri-negeri atau wilayah kurang maju, Belanjawan 1994 telah mengumumkan Pakej Insentif Khas Bagi Membangunkan Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Untuk tujuan insentif ini, Koridor

Pantai Timur Semenanjung Malaysia ditakrifkan sebagai keseluruhan Negeri Kelantan, Negeri Terengganu, Negeri Pahang, kecuali daerah Kuala Lipis, Raub, Jerantut dan Cameron Highlands, tetapi termasuk kawasan perindustrian yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam daerah tersebut. Bagi Negeri Johor, koridor ini hanya meliputi keseluruhan daerah Mersing. Kawasan-kawasan ini akan diwartakan sebagai kawasan digalakkan.

Pakej insentif untuk Koridor Pantai Tiraur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak meliputi insentif-insentif berikut:-

- (i) Pengecualian cukai 85% bagi taraf perincis atau ECP 80% ke atas perbelanjaan modal;
 - (ii) elaun infrastruktur; dan
 - (iii) insentif pusingan kali kedua.**
- (i) **Pengecualian cukai dengan kadar 85% bagi taraf perintis atau ECP 80% ke atas perbelanjaan modal**

Tuan Yang di-Pertua, sesebuah syarikat yang beroperasi di kawasan digalakkan, iaitu Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak layak untuk mendapat pengecualian cukai pada kadar 85% bagi galakan taraf perintis selama 5 tahun ataupun ECP 80% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Berdasarkan galakan ini, syarikat hanya akan membayar kira-kira 5% cukai pendapatan berbanding dengan 10% jikalau projek-projek tersebut ditempatkan di luar kawasan Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Galakan ini adalah terbuka kepada semua sektor yang diliputi di bawah PIA 1986 yang mengeluarkan keluaran yang digalakkan khusus

bagi Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Insentif ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan 1994.

Kang Undang-undang ini juga metnperuntukkan supaya syarikat yang telah diluluskan galakan Taraf Perintis atau ECP selepas hari Belanjawan 1992, iaitu lhb November 1991, tetapi sebelum hari Belanjawan 1994, menyerah kelulusan galakan berkenaan bagi memohon galakan baru dengan syarat projek tersebut belum dilaksanakan.

(ii) **Elaun Infrastruktur**

Di samping galakan taraf perintis atau ECP yang lebih menarik, syarikat-syarikat yang beroperasi di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak juga kini layak untuk mendapat galakan elaun infrastruktur. Kadar elaun infrastruktur di dalam Rang Undang-undang ini ialah 100% ke atas perbelanjaan modal yang terlibat dalam pembinaan semula perluasan atau perobaikan apa-apa struktur tetap untuk kegunaan perniagaan. Perbelanjaan modal yang layak dipertimbangkan termasuklah kos bagi pembinaan jeti, pelabuhan ataupun jalan yang berkenaan dengan perniagaan yang beroperasi dalam suatu kawasan digalakkan. Insentif ini bertujuan untuk memberi pampasan kepada syarikat yang terpaksa menanggung kos-kos intrastruktur tambahan tersebut, berbanding dengan syarikat-syarikat yang ditempatkan di kawasan perindustrian di kawasan maju yang tidak perlu berbuat demikian. Pemberian elaun infrastruktur ini adalah untuk menampung usaha-usaha bagi menggalakkan industri ditempatkan di kawasan kurang maju.

Galakan ini adalah untuk pelaburan yang dibuat dalam tempoh 5 tahun mulai hari Belanjawan 199A.

(iii) **Galakan Pusingan Kedua**

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha menggalakkan pelaburan di kawasan digalakkan dalam Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, galakan pusingan kali kedua bagi taraf perintis atau ECP dibenarkan bagi syarikat-syarikat yang ingin melaksanakan projek-projek perkilangan di kawasan tersebut sekiranya memenuhi syarat-syarat yang disebutkan dalam satu Warta Kerajaan.

Adalah dicadangkan supaya galakan pusingan kali kedua di kawasan Koridor Pantat Timur' Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan 1994.

Pindaan—pindaan Umum**(i) Peruntukan untuk menyelenggarakan balik kelulusan**

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya syarikat yang diluluskan Galakan Taraf Perintis sahaja dibenarkan untuk menyerahkan balik galakan tersebut untuk memohon Galakan ECP bagi keluaran yang sama. Di dalam membuat pindaan-pindaan kepada insentif baru, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini memperuntukkan supaya syarikat yang diluluskan dalam Galakan ECP diberikan juga kemudahan untuk menyerahkan balik galakan berkenaan untuk memohon taraf perintis bagi keluaran yang sama. Dengan syarat syarikat tersebut, masih belum membuat perbelanjaan modal pada tarikh penyerahan balik Galakan ECP tersebut. Pindaan ini bertujuan untuk memberi kelonggaran kepada syarikat untuk memilih sama ada insentif taraf perintis atau ECP yang raana lebih menguntungkan syarikat.

(ii) Elaun bagi kemudahan pelupusan buangan terjadual

Bagi syarikat taraf perintis yang menyediakan kemudahan penstoran, pengelolahan atau pelupusan buangan terjadual, sebagaimana ditarifkan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling Buangan Terjadual 1989, Rang Undang-undang ini memperuntukkan supaya elaun bagi perbelanjaan modal yang tidak dapat digunakan dalam tempoh pengecualian cukai disifatkan telah dilakukan pada hari berikutan dengan berakhirnya tempoh pelepasan cukai.

Kesimpulan

Insentif cukai di bawah Rang Undang-undang ini adalah untuk mempergiatkan usaha bagi sektor perindustrian negara terus raerapunyai daya saing di pasaran antarabangsa. Pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses transformasi industri ke arah menggalakkan syarikat menjalankan kegiatan R&D dalam negara ini serta mendorong penggunaan teknologi tinggi dalam proses pengeluaran. Dengan itu, nilai ditambah di sektor perkilangan akan meningkat dan kandungan import dapat dikurangkan di samping memperkukuhkan rantaian industri serta mendorong industri yang berdaya saing untuk terus maju dan korapetitif di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kemeaterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan, Yang Berhormat Tuan K. Munisamy.

4.53 ptg.

Tuan K. Hunisamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana peka kepada keperluan perabangunan perindustrian negara selaras dengan raatlamat negara untuk mencapai taraf negara maju menjelang Tahun 2020.

Pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan adalah perlu, terutamanya kepada sektor penyelidikan dan pembangunan (R&D). Bidang penyelidikan dan perabangunan - masih ketinggalan jauh di negara ini berbanding dengan negara maju. Kebanyakan negara yang maju mempunyai sekurang-kurangnya 5% daripada Keluaran Negara Kasar yang disurabangkan oleh sektor R&D. Penyelidikan dan pembangunan bermaksud mereka-cipta sesuatu yang baru di negara kita sendiri dengan menggunakan idea-idea dan bahan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mereka-cipta sesuatu benda raemakan masa bertahun-tahun dan jumlah pelaburan yang banyak diperlukan. Hasil penciptaan boleh dipasarkan oleh syarikat yang telah mengeluarkan wang pelaburan atau dipasarkan ciptaan melalui Akta Hak Cipta kepada syarikat yang berminat. Pelaburan yang banyak dikeluarkan mestilah dikecualikan daripada cukai. Oleh yang demikian, saya menyokong pemberian taraf perintis kepada sesuatu syarikat yang terlibat dalam mengeluarkan aktiviti yang digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong syarikat-syarikat yang mengusahakan barangan berteknologi cinggi yang digalakkan di negara ini diberikan taraf perintis. Suatu masa dahulu, negara tetap bergantung kepada keluaran pertanian yang sangat bergantung rapat dengan turun-naik harga di pasaran antarabangsa. Untuk melepaskan

dari keadaan ini, Kerajaan telah melancarkan dasar mempelbagaikan Keluaran Negara dan tambahan pula Pelan Induk Perindustrian digubalkan untuk merangka peraturan dan insentif serta mengenal pasti aktiviti yang digalakkan. Sekarang setelah hampir 10 tahun Pelan Induk Perindustrian dilancarkan, kita masih perlu mengemaskinikan strategi perindustrian negara supaya sentiasa setanding dengan negara-negara maju. Oleh yang demikian, kita tetap perlu menyediakan insentif yang lebih bagi memajukan industri berteknologi tinggi di Malaysia dan juga kemahiran daripada syarikat asing dapat diserapkan kepada pekerja-pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pemberian Elaun Cukai Pelaburan sepertimana diperuntukkan dalam seksyen 29(f) dan (g) Akta ini. Antara perbelanjaan modal yang layak untuk Elaun Cukai Pelaburan ini termasuk perbelanjaan bagi menyediakan tanah-tanah bagi penyelidikan pertanian dan pembinaan jalan 'access' atau jambatan.

Bagi sektor pertanian, memang penyelidikan amat kurang sekali. Jadi, kalau ada pihak yang sanggup melabur begitu banyak, maka Kerajaan patutlah meraberi Elaun Cukai Pelaburan manakala bagi penyediaan infrastruktur seperti jalan dan jarabatan akan bukan sahaja memudahkan pergantungan barangan keluaran syarikat berkenaan dengan bahan dapat digunakan oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya menyokong penuh pindaan Akta ini dengan harapan ianya selaras dengan matlariat Kerajaan untuk mencapai 'status' negara yang maju di bidang perindustrian menjelang Tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

4.58 ptg.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)(No. 2) 1994, saya ingin memberi sedikit pandangan. Kita sedia maklum pelaburan luar di negara kita telah mula merosot. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah berusaha dengan memperbaiki syarat serta kemudahan-kemudahan bagi pelabur luar. Antara kemudahan yang diperuntukkan ialah kelonggaran cukai pendapatan syarikat. Kelonggaran cukai pendapatan syarikat yang sebanyak 34% telah dikurangkan kepada 32% pada tahun ini. Pada tahun hadapan, ia akan dikurangkan kepada 30% sahaja. Di samping kemudahan itu, pelabur luar harus juga dibenarkan memiliki terapat kediaman yang selesa, tempat rekreasi serta kemudahan menubuhkan institusi pendidikan supaya anak-anak mereka mendapat pendidikan dalam bahasa ibunda mereka sendiri.

Bagi memastikan tenaga-tenaga mahir dapat dibawa masuk, Kerajaan telah melonggarkan syarat-syarat kemasukan mereka. Dalam usaha menarik lebih ramai pelabur luar, Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah menghantar delegasi ke luar negeri. Ingin ditekankan dalara usaha Kerajaan menarik lebih ramai pelabur luar, perkara-perkara berikut harus diberi perhatian:

- (i) Juralah pelaburan luar dan pelaburan tempatan haruslah seimbang bagi mewujudkan iklim pelaburan yang sihat.

(ii) Alam persekitaran semula jadi harus sentiasa terjaga dan tidak tercemar. Kita harus memastikan pelabur-pelabur luar tidak menjalankan perindustrian yang diharamkan di negara mereka sendiri.

(iii) Di samping kita menggalakkan kemasukan pelabur luar, perpindahan teknologi harus berlaku. Dengan cara ini negara akan raendapat faedah serta menuju ke arah negara maju.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) 1994 diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah tidak ada orang. Sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjawab.

5.01 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan K. Munisamy dan Yang Berhormat Puan Kian Sit Har yang telah bangun membahas dan seterusnya telah menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Tuan K. Munisamy telah menyentuh berkaitan dengan memindah ekonomi negara daripada sektor pertanian kepada pembuatan dan inilah satu hasil yang telah pun diturunkan kepada kita di atas arifnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

kita, di mana pada tahun-tahun lebih kurang 90, 80 dan 70an apabila kita telah bergantung banyak di atas sektor pertanian. Kita telah mengalami satu kemerosotan ekonomi yang begitu pesat. Pada masa kini kita telah bertukar ekonomi negara kita dari ekonomi sektor pertanian kepada ekonomi sektor pembuatan dan hasilnya telah pun jelas dilihat kepada kita semua. Ini satu perkara yang amat baik dan semua tindakan yang kementerian kita telah ambil pada masa kini ialah untuk menaikkan taraf pembuatan di dalam negara kita untuk kita terus bersaing dengan lain-lain negara maju seperti Amerika Syarikat, Taiwan, Korea, Jepun dan sebagainya.

Penyelidikan dalam sektor pertanian telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Tuan K. Munisamy. Inilah satu perkara yang amat penting juga dan kementerian yang berkenaan sedang berusaha gigih untuk menaikkan taraf penyelidikan di dalam sektor pertanian juga.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har telah menyentuh berhubung dengan tenaga mahir yang harus kita adakan di dalam sektor pembuatan **ini**. Pada masa kini kita merasakan kemahiran di dalam sektor pembuatan masih tidak mencukupi dan Kementerian ini bersama-sama dengan Kementerian Sumber Manusia sedang mengambil beberapa tindakan untuk membawa lebih kemahiran kepada sektor perindustrian kita untuk kita menaikkan taraf kualiti barang-barang pengeluaran dan sebagainya.

Berhubung dengan pelaburan tempatan, tentang pelaburan luar negeri, saya boleh katakan di sini, pada tahun 1990 kadar (ratio) pelaburan daripada luar negeri dengan pelaburan tempatan ialah lebih

kurang 60:40. Tetapi pada tahun 1993 ini telah bertukar kepada kadar 40:60 iaitu 40% daripada luar negeri dan 60% daripada dalam negeri. Ini menunjukkan pihak-pihak pengusaha dan juga pihak-pihak SMI dalam negara kita telah mengambil banyak usaha-usaha untuk mengambil bahagian di dalam semua peluang yang sedang dibuka di dalam negara kita, untuk mereka juga menikmati hasil daripada apa yang sedang berlaku di dalam sektor perindustrian di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan yang dapat diberikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan K. Munisatny dan Yang Berhormat Puan Kian Sit Har atas sokongan yang telah diberikan kepada Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[**Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang—undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskau.

RANG DNDANG-UNDANG PEMBAHUNAN MINERAL 1994**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.08 ptg.**

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato¹ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan dan pengawalseliaan penjelajahan dan perlombongan mineral-mineral dan bijih-bijih mineral dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan mewujudkan suatu Dasar Mineral Negara timbul oleh kerana memandangkan terdapatnya beberapa perubaban 'Salam persekitaran industri mineral dan ketiadaan satu dasar bertulis yang lengkap mengenai mineral. Peraturan fiskal semasa juga didapati tidak menarik kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan kepada kedua-duanya pelabur tempatan dan asing.

Satu Dasar Mineral Negara yang lengkap dan progresif yang berorientasikan pembangunan dan rangka perundangan yang moden seragam dan jelas akan mewujudkan suasana perniagaan yang menarik untuk menggalakkan pelaburan dalam industri mineral. Projek perancangan dan Dasar Pembangunan Mineral telah dilancarkan dengan bantuan khidmat pakar United Nations Development Programe (UNDP) pada awal tahun 1989 berikutan keputusan Kerajaan untuk memulihkan kembali sektor mineral. Projek ini dikendalikan oleh Kementerian Perusahaan Utama dengan bantuan dari semua Kerajaan Negeri,

kementerian dan jabatan yang relevan dan pihak perusahaan perlombongan.

Projek tersebut telah mengesan beberapa kelemahan yang wujud seperti berikut:

- (i) perundangan dan peraturan perlombongan yang telah lapuk di Malaysia;
- (ii) perundangan dan peraturan perlombongan yang tidak seragara di negeri-negeri di Malaysia;
- (iii) peruntukan-peruntukan perundangan yang tidak kemaskini yang menyekat usaha-usaha serta kaedah-kaedah mencarigali dan perlombongan yang moden khususnya perlombongan batuan keras dan pemprosesan mineral; dan
- (iv) kawalan dan standard persekitaran yang kurang ketat dan tidak terkini.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut serta memastikan agar Dasar Mineral Negara dapat dilaksanakan secara berkesan, perundangan dan peraturan kawalselia yang menarik, berkesan, mantap, kemaskini dan seragam perlu diwujudkan.

Bagi maksud tersebut, Enakraen Mineral Negeri dan Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 ini telah digubal.

Enakmen Mineral Negeri. yang telah disetujui terima oleh Majlis Tanah Negara di raesyuarat-mesyuaratnya pada 19hb November, 1992 dan 16hb Mac, 1993, menyediakan perundangan perlombongan yang seragam dan menarik bagi kesemua "negeri dan memuatkan peruntukan-peruntukan berhubung dengan pemberian dan pengeluaran hakmilik carigali dan melombong. Ianya bertujuan mengemaskini dan menggaris arus tatacara pengeluaran Persuratan Hakmilik Mineral di semua negeri seperti lesen, pajakan, hakmilik dan surat kebenaran.

Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 ini pula adalah bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan mengenai amalan perlombongan, keselamatan lombong dan fungsi-fungsi kawalselia yang berkaitan seperti mana yang diperuntukkan dalam Senarai I - Senarai Persekutuan, Perkara 8(j) - Perlembagaan Persekutuan. Tindakan untuk mengasingkan kuasa Persekutuan daripada kuasa negeri-negeri dalam bidang berkenaan akan melicinkan lagi sistem untuk mengawal dan membangunkan industri mineral. Menteri yang bertanggungjawab mengenai mineral dan perlombongan diberi kuasa untuk melaksanakan Rang Undang-undang ini dengan Jabatan Galian Malaysia selaku agensi penguatkuasaan. Rang Undang-undang ini apabila diluluskan oleh Parlimen akan berkuatkuasa di seluruh Malaysia.

Pada masa ini keselamatan lombong dan perkara-perkara lain yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan adalah terdapat di dalam

Undang-undang Perlombongan di tiap-tiap negeri di Malaysia. Setiap negeri mempunyai undang-undang perlombongannya tersendiri dan berkuasa merabuat peraturan-peraturan. Ketiadaan satu perundangan yang seragam ini adalah dianggap sebagai satu disinsentive kepada para pelabur yang berminat untuk melabur dalam bidang tersebut.

Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 mengukur dan meletakkan kesetnua perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan yang terdapat di dalam Enakmen Perlombongan Negeri-negeri ke dalam sebuah Akca supaya peraturan, kawalan dan kawalselia akan dapat menjadi seragam. Apa jua pindaan, perubahan dan peraturan yang perlu dibuat untuk memajukan industri mineral akan dapat dilaksanakan oleh Menteri yang bertanggungjawab mengenai mineral dengan lebih pantas dan berkesan. Apabila Rang Undang-undang ini berkuatkuasa kelak, Enakmen Perlorabongan Negeri-negeri yang telah lapuk itu akan dimansuhkan.

Berikutnya ingin saya mengutarakan ciri-ciri penting Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994:-

Bahagian I -

Bahagian ini memuatkan tajuk ringkas Rang Undang-undang; peruntukan yang membenarkan Menteriewartakan tarikh mula berkuatkuasa Rang Undang-undang ini; bidang liputan pemakaian Rang Undang-undang ini serta tafsiran, istilah-istilah penting yang digunakan.

Bahagian II -

Bahagian ini mengadakan peruntukan berhubung dengan perlantikan Ketua Pengarah Galian kepada Pegawai Galian lain; fungsi mereka serta

penurunan kuasa-kuasa tertentu oleh Ketua Pengarah Galian kepada para pegawai berkenaan untuk membolehkan mereka melaksanakan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini.

Bahagian III -

Bahagian ini merupakan di antara bahagian terpenting yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini. Ianya memuatkan peruntukan-peruntukan mengenai mengawalselia penjelajahan dan pengendalian melombong. Pemegang sesuatu tenemen mineral dikehendaki menghantar satu salinan tenemennya setelah didaftarkan kepada Pengarah dan juga Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi. Sebelum memulakan apa-apa kerja pembangunan atau perlombongan, pemegang sesuatu lesen melombong, tuan punya atau pajakan melombong dikehendaki mengemukakan satu skim pengendalian melombong untuk kelulusan Pengarah. Pemegang sesuatu tenemen mineral dikehendaki mematuhi amalan-amalan baik dan selamat dan standard-standard alam sekeliling berhubung dengan pemfosikan, pendulangan, perlombongan dan aktiviti-aktiviti lain. Di bawah perundangan semasa, pemegang surat mineral tidak perlu menghantar salinan suratannya itu kepada Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi dan keperluan mengemukakan skim pengendalian melombong merupakan hanya syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Galian.

Rang Undang-undang ini akan memastikan bahawa Ketua Pengarah Penyiasatan Kaji Bumi diberitahu tentang apa juga aktiviti penjelajahan dan mencari gali yang dijalankan dan para pemegang tenemen mineral adalah dikehendaki secara undang-undang untuk mengemukakan skim pengendalian melombong. Ini akan memastikan kawalan

yang lebih berkesan dan cekap dari peringkat awal perlombongan, Pemegang sesuatu tenemen mineral diwajibkan melantik seorang pengurus lombong bagi tiap-tiap lombong. Pengurus lombong diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan-arahan untuk dipatuhi oleh mana-mana pekerja lombong berkenaan. Beliau juga dikehendaki menyimpan pelan kerja-kerja serta buku-buku catatan yang mengandungi makluma tentang lombong berkenaan. Sesebuah lombong dikehendaki mematuhi standard-standard kualiti air berhubung dengan pelepasan air lombong ke dalam sungai atau mana-mana laluan air.

Lombong-lombong yang digantung sementara operasinya atau ditinggalkan semasa dikehendaki, sentiasa berada dalam keadaan selamat. Di bawah perundangan semasa, perundangan tentang mengurus lombong telah sedia **ada**, tetapi Rang Undang-undang ini telah memperincikan tanggungjawab pengurus lombong, dan ini akan mewujudkan keadaan di mana sesebuah lombong itu akan sentiasa berada di dalam keadaan yang terkawal;

Peruntukan tentang pelepasan air lombong juga terdapat di dalam perundangan semasa. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang ini menghendaki supaya pelepasan air perlu mematuhi standard-standard yang ditetapkan bukan sahaja di bawah Rang Undang-undang **ini**, tetapi apa juga standard alam sekeliling dan standard kualiti air yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan alam sekeliling.

Bahagian IV -

Bahagian ini mengadakan peruntukan tentang tatacara yang harus dipatuhi apabila berlakunya sesuatu kemalangan di tempat pengendalian

melombong dan siasatan yang hendak dijalankan. Peruntukan yang sama sedia terdapat di bawah perundangan semasa, tetapi ianya telah disekalikan dengan kuasa-kuasa pegawai lombong, penguatkuasaan, penyiasatan dan keterangan. Rang Undang-undang ini mengemaskinikan perkara ini dengan mengasingkan perkara-perkara tersebut kepada bab-bab yang khusus dan ini akan menjadikan perundangan ini lebih terkini, teratur dan kemas.

Bahagian V -

Bahagian ini terbahagi kepada 4 bab yang memperkatakan tentang penguatkuasaan, penyiasatan, keterangan, kesalahan penalti dan perkara-perkara am. Kuasa untuk menangkap, menggeledah, menyita dan menyiasat tugas dan perilaku pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengenai perkara tersebut diperkatakan dalam bab pertama. Ini termasuk kuasa untuk menggeledah tanpa waran, penanggungan kos barang-barang yang disita dan menyita maklumat. Di bawah perundangan semasa, perkara-perkara ini bercampur-aduk dengan kuasa pegawai lombong. Rang Undang-undang ini menyatakan dengan lebih jelas lagi apa tindakan penguatkuasaan yang boleh dilaksanakan oleh pegawai lombong.

Bab 2, menjelaskan akan keperluan perakuan tentang nilai mineral, fee-fee dan sebagainya berhubung dengan mineral atau keluaran mineral serta sampel bagi benda-benda yang dijadikan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini. Informer juga diberi perlindungan sewajarnya di bawah bab **ini**. Rang Undang-undang ini juga mengemaskinikan peruntukan mengenai perkara-perkara berhubung dengan keterangan bagi menentukan yang

tatacara betul dipatuhi supaya tindakan yang diambil adalah berkesan dan mematuhi undang-undang. Peruntukan baru yang dimuatkan berhubung dengan perlindungan terhadap informer akan menggalakkan orang awam untuk bekerjasama dengan lebih rapat lagi dengan Kerajaan. Dan ini akan bermakna bahawa tindakan Kerajaan untuk membanteras kegiatan yang menyeleweng akan tercapai.

Bab 3, memuatkan perkara-perkara yang apabila dilakukan boleh dianggap sebagai telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini serta penalti atau denda atau penjara atau kedua-duanya sekali yang boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan tersebut, termasuk kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

Bab 4, mengadakan peruntukan berhubung dengan pendakwaan serta mendapatkan kembali wang yang kena dibayar kepada Kerajaan. Peningkatan penalti, jumlah denda dan tempoh penjara adalah bertujuan meningkatkan pencegahan apa jua kesalahan dilakukan oleh mereka yang terlibat di dalam perusahaan perlombongan supaya hak Kerajaan dan kepentingan awam sentiasa dipelihara.

Bahagian VI -

Bahagian ini memperkatakan tentang perkara-perkara pelbagai yang lazim terdapat pada mana-mana Rang Undang-undang seperti larangan terhadap pendedahan maklumat, larangan penyalahgunaan maklumat yang diperolehi atas sifat rasmi, penggunaan kad kuasa, perlindungan terhadap prosiding undang-undang ke atas para pegawai yang melaksanakan tugas mereka menguatkuasakan Rang Undang-undang ini serta penyampaian notis. Ini akan mewujudkan keadaan di mana penyelewengan dan salah laku di dalam apa jua tindakan yang diambil oleh Kerajaan

dikurangkan dengan adanya satu sistem yang teratur dan berkesan yang dapat melindungi kepentingan awam dan negara.

Bahagian VII -

Bahagian ini memperkatakan tentang kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini dari semasa ke semasa bersesuaian dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam perusahaan perlombongan. Peraturan-peraturan perlu diadakan bagi mengemaskinikan pelaksanaan. Peruntukan-peruntukan ini akan membolehkan Kerajaan membuat peraturan-peraturan yang berkenaan supaya ianya sesuai dengan perubahan-perubahan standard alam sekeliling dan memenuhi obligasi-obligasi Kerajaan yang dikenakan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang Malaysia adalah ahlinya.

Peruntukan ini juga akan melicinkan pentadbiran dan pelaksanaan Rang Undang-undang **ini**, di mana apa jua kekurangan dapat diatasi dengan berkesan.

Bahagian VIII -

Bahagian ini memuatkan perkara-perkara tentang peruntukan peralihan, pengecualian serta percanggahan undang-undang yang juga lazimnya terdapat pada mana-mana Rang Undang-undang. Peruntukan ini adalah bertujuan membolehkan perkara-perkara yang diluluskan di bawah perundangan lama dapat terus berjalan tanpa gangguan, sementara perundangan baru berkuatkuasa dan mengatasi percanggahan atau ketidakkonsistenan peruntukan Akta ini dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis. Rang Undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dengan perbelanjaan kewangan tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang 1994 telah mengambil kira semua perkara yang diperlukan bagi menyediakan asas untuk mewujudkan satu sistem kawal selia yang berkesan, cekap dan berdaya-saing bagi sektor mineral. Ini termasuklah mengadakan peruntukan-peruntukan kawal selia yang terkini yang diamalkan di negara-negara perlombongan yang maju serta tekanan terhadap pemeliharaan alam sekeliling.

Peraturan-peraturan mengenai keselamatan dan perlindungan alam sekeliling dalam perusahaan mineral bertujuan menetapkan standard-standard keselamatan baik pulih dan pemulihan tanah-tanah bukan lombong dan mengurangkan kesan perlombongan ke atas alam sekeliling kini sedang digubal.

Memandangkan yang kewujudan lebih daripada 30 jenis mineral telah dikenal pasti di Malaysia, pengusahahasilan sumber-sumber mineral tersebut akan menjadi lebih mudah dan teratur dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994.

Kesediaan bahan-bahan mentah dalam bentuk pelbagai mineral dan pengusahahasilan mereka akan membantu penubuhan aktiviti-aktiviti hiliran berasaskan sumber, selaras dengan matlamat Dasar Mineral Negara. Ini seterusnya akan membekalkan bahan mentah yang diperlukan dalam sektor pembuatan yang kian berkembang di dalam proses perindustrian negara yang pesat.

Peningkatan pembangunan mineral akan memberi faedah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dari segi meningkatkan pendapatan, pekerjaan, pelbagaian, prasarana baru, perluasan perusahaan topangan, penambahan keluaran nilai tokok, pengurangan penggantungan import, meningkatkan eksport, potensi untuk perusahaan hiliran dan mewujudkan pelbagai aktiviti ekonomi sampingan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan memastikan bahawa sumber mineral negara akan diperolehi dan diusahahasilkan

secara optimum dan tiada penyalahgunaan dan pembaziran berlaku ke atas khazanah negara yang tidak boleh dipulih-ganti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan dan pengawalseliaan penjelajahan dan perlombongan mineral-mineral dan bijih-bijih mineral dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.

5.24 ptg.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Utama tentang keprihatinannya mengenai pembangunan mineral di negara kita.

Seperti yang kita ketahui negara kita kaya dengan pelbagai bahan-bahan galian. Semenjak tahun 1988 kejatuhan nilai bijih timah mengakibatkan kejatuhan penglibatan pekerja daripada 49,453 orang pada 1970 kepada 2,296 orang pada tahun 1993. Walaupun demikian, di sektor perlombongan lain seperti emas yang terdapat di Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan, wujudnya Rang Undang-undang ini akan dapat membantu industri ini pada masa-masa akan datang.

Saya percaya dengan wujudnya jawatan Ketua Pengarah Galian dan Pengarah-pengarah yang lain dapatlah membantu mengimplimentasikan Rang Undang-undang ini.

Saya berharap, pihak kementerian akan memberi tanggungjawab kepadanya dan kuasa yang bersesuaian dan mencukupi patut dipertimbangkan. Kita tidak mahu masalah-masalah yang wujud di dalam industri perhutanan ataupun pembalakan khasnya berlaku atau berulang di dalam industri perlombongan mineral di negara kita. Kita tidak dapat nafikan wujudnya pembalakan secara haram dan kita tidak mahu pula perlombongan secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 ini, saya ingin menyarankan supaya langkah-langkah bekesan untuk melindungi alam sekitar khasnya flora dan fauna harus dititik beratkan. Ini adalah kerana aktiviti-aktiviti perlombongan seperti yang kita tahu mempunyai kesan secara terus kepada alam sekeliling. Di samping itu, faktor-faktor keselamatan untuk melindungi nyawa-nyawa pekerja di sektor perlombongan mineral wajib diberi keutamaan penting.

Kita tidak mahu berlakunya industrial accident, dengan izin seperti di China, England dan di negara-negara Amerika Selatan di mana akibatnya beratus-ratus nyawa manusia hilang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 adalah sesuatu yang baru dan kajian teliti haruslah diteruskan dari masa ke semasa. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad silakan.

5.28ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994.

Saya penuh yakin dengan adanya Akta ini akan memberi panduan yang amat berkesan kepada usaha-usaha bagi membawa negara kita menjadi sebuah negara yang mempunyai disiplin di dalam pelbagai perkara yang bersangkutan dengan pekerja terutama sekali.

Dalam perbahasan mengenai Akta ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Pertama sekali Perkara 14(3) di mana tempoh 3 hari yang diuntukkan di dalam Akta ini bagi perlantikan Pengurus yang terhenti tidaklah mencukupi kerana kelulusan daripada Penolong Pengarah mestilah diperolehi.

Saya rasa tempoh 3 hari itu patutlah dipanjangkan masanya kepada satu minggu ataupun lebih, itu pun bagi Pengurus yang memberi notis ataupun bagi yang berhenti dengan serta-merta sama ada meninggal dunia. Tempoh 3 hari adalah tidak wajar, tempoh patutlah dipanjangkan sehingga 14 hari.

Perkara 23 berhubung dengan tapak lombong mestilah ditimbus dan diratakan serta dipagar dan diletakkan tanda sebagai kawasan merbahaya.

Berkenaan syarat bagi memagar sahaja seperti mana di dalam Akta ini atau kalau tidak memagar, menutup lombong adalah menepati kehendak keselamatan.

Penandaan kawasan bahaya bagi sesuatu tapak lombong terutamanya yang mengandungi pasir adalah penting kerana pasir bagi kawasan-kawasan lombong boleh membawa akibat yang tidak baik, iaitu hakisan yang mungkin akan dibawa oleh air. Pada zahirnya kita boleh nampak pada sebelah atasnya dalam keadaan baik dalam tempoh beberapa lama tetapi apabila kita tidak menanda dengan tanda bahaya iaitu dengan hanya memagar sahaja kawasan yang berkenaan, mungkin tanah yang berkenaan apabila dipijak ia akan berlubang ataupun akan membawa bahaya kepada orang-orang yang lalu-lalang ataupun yang masuk ke kawasan berkenaan. Sesebuah tapak lombong yang ditinggalkan, yang bertakung dengan air, sering kali berkeadaan terbiar begitu sehingga bertahun-tahun. Kira-kira 15 tahun yang lalu berlaku limpahan air daripada lombong ke kawasan-kawasan perumahan di sekitarnya. Akibat daripada itu ada yang mati disebabkan limpahan air daripada lombong, sama ada ianya air biasa ataupun air yang bercampur dengan lumpur. Jadi, dengan adanya Akta ini akan memberikan satu jalan untuk mereka yang bertanggungjawab bagi mengawasi lombong supaya tidak menjejaskan rakyat di sekeliling.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini yang paling penting sekali ialah penguatkuasaan. Acap kali kita mengemukakan ataupun membuat undang-undang tetapi dari segi pelaksanaannya tetap menjadi permasalahan kepada kita. Selalunya rakyat menimbulkan permasalahan-permasalahan daripada segi penguatkuasaan iaitu tidak menepati seperti mana yang digariskan

oleh kerajaan, maknanya tidak mengikut seperti apa yang telah digariskan. Dengan sebab itu penguatkuasaan adalah penting. Kadang-kalanya orang-orang yang bertanggungjawab dari segi penguatkuasaan tidak sampai ke tempat yang sepatutnya mereka sampai. Apabila berlaku sahaja sesuatu yang tidak diingini yang ditimbulkan oleh orang ramai, barulah timbul kesalahan di sana sini. Dengan sebab itu penguatkuasaan di atas sesuatu Rang Undang-undang amatlah penting. Jadi, dengan adanya Akta yang dibentangkan pada hari ini akan dapat memberi faedah yang besar kepada rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja dan saya berdiri di sini sebagai menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 yang dikemukakan.

Timbalan Tang di-Pertua: Dato' Mohd. Radzi, dipersilakan.

5.37 ptg.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri pada petang ini untuk menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Mineral 1994 yang dibentangkan. Saya hanya hendak menyentuh mengenai sebahagian daripada kaedah Rang Undang-undang ini yang saya fikir patut juga diambil nota yang lebih berat (more weightage).

Pertama, ialah mengenai membaik-pulih kawasan lombong. Dari pengalaman yang ada di Perak sekarang **ini**, kalau kita naik kapal terbang dari Kuala Lumpur, muka bumi Lembah Kinta cukup buruk - sopak di sana, sopak di sini jika kita libat dari atas. Tetapi sebenarnya ini bukanlah sopak tetapi pasir. Kalau putih sopaknya,

ianya pasir; kalau kelabu sedikit, ianya 'milky water', dengan lain, iaitu air lombong; dan kalau biru, itu adalah sopak besar, iaitu lombong besar serta dalam dan sebagainya.

Jadi, di sanalah kita dapati keadaan yang cukup-cukup buruk di mana kita sudah tengok pelombong-pelombong tidak mengambil kira langsung tetapi hanya hendak menggali sejauh mana yang boleh untuk mendapatkan bijih untuk dijual. Sudah dapat bijih, mereka tidak kira apa akan jadi ke atas kawasan yang mereka kerjakan hinggakan saya rasa, sebahagian besar daripada kawasan di Kinta ini ialah kawasan yang merupakan setengah daripada padang pasir. Apabila saya teliti, saya dapati ini adalah disebabkan oleh kekurangan kajian di atas cara mana kita hendak menetapkan kaedab-kaedah supaya pelombong-pelombong ini akan melombong dengan bertanggungjawab dan apabila tamat melombong kemudiannya membaik-pulih keadaan tanah dan sebagainya.

Apa yang diamalkan sekarang untuk hendak menentukan supaya pelombong ini mematuhi syarat-syarat ialah dengan mengadakan 'bank guarantee'. Pelombong memang boleh memberi 'bank guarantee' setahun, dua tahun dan apabila habis sahaja 'bank guarantee', mereka tutup lombong senyap-senyap dan meninggalkan kawasan tersebut. Apabila pihak berkuasa sudah sedar mereka dapati kawasan itu memang tidak langsung dibaik pulih. Jadi, inilah satu masalah yang telah menimpa Lembah Kinta dan saya rasa dengan adanya pelajaran yang begitu pahit, eloklah kita fikirkan cara mana hendak membetulkan, sekurang-kurangnya dalam Akta ini atau kalau tidak pun, di dalam peraturan yang kita memberi kuasa kepada Menteri, hendaklah

mengandung pelbagai aspek di mana kita boleh tentukan supaya pelombong kemudiannya akan membaik pulih. Dan kalau boleh biarlah apabila mereka memasukkan skim perlombongan mereka ini dikenakan syarat-syarat yang ketat. Kalau masa dahulu ada, kalau tidak salah saya satu clause yang dinamakan 'escape clause' - dalam satu-satu perlombongan itu katalah 100 ekar, mereka dikehendaki membiarkan 5 ekar sebagai kolam lombong. Tetapi sebenarnya apabila mereka habis melombong, bukannya 5 ekar tetapi kadang-kadang sampai 25 ekar kolam lombong. Jadi, tiada enforcement. Oleh sebab itu kalau sepatutnya 5% daripada tanah-tanah lombong ini yang terpaksa berada dalam keadaan berair tetapi sekarang ini lebih daripada 30% adalah tanah-tanah yang dianggap sebagai kolam bekas lombong. Kalaulah perkara ini tidak dipastikan, saya percaya apa-apa usaha melombong yang akan datang akan mengulangi perkara yang tidak baik yang telah dilakukan di Lembah Kinta dari ratusan tahun dahulu.

Dengan cara itu jugalah, saya rasa kita cari jalan supaya dapat kita menentukan mereka ini akan mematuhi syarat. Satu yang saya syorkan ialah kalau boleh jangan ambil bank guarantee. Mintakan mereka ini menyerahkan kepada kerajaan 'cash deposit'. Apabila mereka hendak cash deposit, tentukan kawasan yang dikerjakan itu diperbetulkan balik, dan apabila sudah sah barulah dikeluarkan balik wang pertaruhan mereka itu. Kalau setakat bank guarantee sahaja semacam sekarang **ini**, saya rasa tak dapat kita kawal, sudah tentulah mereka boleh lari daripada tanggungjawab yang kita telah beri kepada mereka.

Selain daripada itu, saya harapkan juga masalah-masalah keselamatan dititikberatkan di dalam Akta ini, ataupun sekurangnya dalam peraturan yang akan diadakan, oleh sebab kita selalu dengar pekerja tertimbus. Di kawasan saya sahaja, saya rasa dua bulan lepas dua orang sudah mati. Seorang itu sampai berminggu-minggu tak dapat lagi dikesan, oleh sebab tertimbus oleh pasir dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa ada kecuaiian di dalam cara-cara mereka melombong. Kalau ada kecuaiian dan berlaku pula kemalangan, ini juga bermakna tidak ada supervision ataupun penyeliaan oleh Jabatan yang berkenaan. Dan ini jugalah saya rasa perlu diperbaiki supaya mereka yang kerja di lombong boleh selamat di dalam usaha mereka mencari nafkah tiap-tiap hari.

Jadi, saya rasa itu sahajalah perkara yang saya hendak bawa dalam menyokong.....

Timbalan Tang di—Pertua: Dato', tak mahukah sentuh sedikit tentang mutu pegawai-pegawai itu dalam Akta ini - berkenaan dengan

pegawai-pegawai yang dilantik sebagainya. Apabila hal-hal mengenai perlombongan ini, ada risikonya, bermakna ada penyeliaan daripada pegawai-pegawai. Dalam Akta ini pun ada berkenaan perlantikan pegawai-pegawai. Tak mahu sentuhkan perkara itu sedikit untuk makluman Timbalan Menteri mengenai pegawai-pegawai yang akan dilantik?

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Begitulah pegawai yang akan dilantik - kalau suruh saya sentuh, saya sentuhlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Yang selalunya kita dapati, apabila dihantar keluar, merek ini ialah mereka yang bukanlah senior. Dan apabila mereka bukan mempunyai pengalaman, selalunya penyeliaannya tidak cukup. Saya bayangkan di suatu masa, semasa satu syarikat hendak membina bangunan rumah pangsa, datanglah seorang engineer dan dia pun tengok tempat itu dia kata bagus, kuat dan sebagainya. Tetapi dia tak tahu yang tanah itu sebenarnya slime. Saya rasa banyak orang tak tahu apa dia sliroe. Kata seorang lagi kawan pergilah pijak. Bila pijak terus masuk sampai ke peha, Sebab dia ingat keras, nampak keras dari luar. Hanya setengah inci di atasnya keras, tetapi di bawah sebenarnya lumpur yang dipanggil slime. Jadi, bila dia termasuk dalam itu barulah dia tahu, 'Sorry, I have no experience.'

Selalunya pegawai-pegawai kita pun kebanyakannya tidak mempunyai pengalaman dalam perkara ini. Saya rasa hendaklah juga ditekankan supaya pegawai-pegawai ini dikursuskan dan juga ditentukan mereka ini betul-betul dapat menjalankan tugas mereka dari segi

penyeliaan supaya industri mining yang sekarang - kalau tin mining sahaja adalah 'yesterday industry', dengan izin, supaya dapatlah subur industri kita dan tidaklah pula kementerian nanti tutup kalau sudah tidak 'mine' semua orang tidak hendak.

Jadi, saya rasa itu sahajalah saranan saya di dalam menyokong Akta ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya tak ada lagi yang hendak bercakap, maka saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Silakan.

5.45 ptg.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Hansor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas minat yang mendalam yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat; Yang Berhormat Hajah Habshah binti Haji Osman, Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad dan Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi bin Manan. Apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hajah Habshah tentang kejatuhan perusahaan mineral, khususnya bijih timah pada masa ini jika dibandingkan pada masa yang lalu, memanglah benar. Walau bagaimanapun, kementerian saya berusaha supaya kita mempertingkatkan kegiatan-kegiatan hiliran yang berasaskan timah pula dengan harapan kita dapat mengurangkan kerugian hasil daripada kejatuhan perlombongan timah. Namun demikian, pada masa ini perlombongan emas dan juga mineral-mineral yang lain agak bertambah.

Tentang supaya fauna dan flora dapat dilindungi, ini memanglah sudah kita tekankan dalam Akta ataupun dalam Rang Undang-undang kita supaya ianya sesuai dengan alam persekitaran yang saya tegaskan tadi.

Faktor keselamatan pekerja-pekerja sebagaimana juga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi tadi, maka kita akan memberi perhatian. Sebab itulah, Rang Undang-undang ini dikemaskinikan dengan harapan segala kelemahan-kelemahan kita pada masa yang lalu akan dapat kita kurangkan. Tak mungkin kita dapat hapus 100%, tetapi cuba kita kurangkan.

Apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Saidin tadi iaitu beliau juga meminta supaya diberi panduan kepada pengusaha-pengusaha untuk meningkatkan lagi perusahaan perlombongan, dan beliau telah meminta supaya Perkara 14(3) tempoh tiga hari yang diperuntukkan untuk perlantikan pengurus itu terlalu pendek dan minta 7 hari ataupun 14 hari kalau berlaku kematian serta-merta. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa tempoh tiga hari yang dikehendaki ini bukan secara permanent. Maksud saya, dalam tiga hari kalau tidak ada pengurus, maka hendak dilantik pengurus itu ada kemungkinan penolong pengurus atau siapa-siapa sahaja untuk memastikan keselamatan lombong itu. Jadi, tidak semestinya permanent. Biasanya pengurus, ada penolong pengurus. Bila pengurus tidak ada, dengan automatik penolong pengurus mestilah dilantik untuk mengambil alih. Inilah yang menyebabkan kita perlu menjaga, terutama faktor-faktor keselamatan.

Perkara 23, Tapak Lombong yang ditimbus dan perlu memagar dan memasang papan tanda dalam 'kawasan bahaya' dan sebagainya itu, saya rasa ini penting untuk hendak mengelakkan daripada kemalangan-kemalangan sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Tentang tapak lombong yang berair dan sebagainya, pada masa yang lalu memang benar. Selepas sahaja lombong ditutup,

maka tanah itu diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri,. Tetapi pada masa yang akan datang, kita akan memberi perhatian supaya perkara-perkara ini dapat kita kurangkan.

Soal penguatkuasaan, insya Allah, saya memberi jaminan di sini kita akan cuba mempergiatkan lagi penguatkuasaan di bawah Akta yang baru **ini**. Walau pun pegawai-pegawai yang dilantik ini terdiri daripada pegawai-pegawai yang ada, tetapi Kementerian akan cuba memperbanyakkan lagi kursus ke arah mempertingkatkan lagi tanggungjawab pegawai.

Begitu juga apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Radzi tadi bahawa pegawai-pegawai yang dilantik itu kebanyakannya bukan begitu senior ataupun kurang berpengalaman dan sebagainya. Jadi, sebagai Jabatan Kerajaan, biasanya keutamaan memanglah dalam perlantikan itu diberi kepada seniority. Tetapi walau bagaimanapun, kebolehan dan kecekapan adalah merupakan faktor kedua dalam menentukan perlantikan ini, Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi tadi, kalau kita naik kapal terbang di Lembab Kinta kelihatan bertompok-tompok. Itu sebagaimana yang saya katakan tadi memanglah berlaku pada masa-masa yang lalu.

Kita harap dengan adanya Rang Undang-undang yang baru ini perkara-perkara yang ditimbulkan itu insya Allah akan dapat dikurangkan. Itu sahaja penjelasan saya dan sekali lagi, saya bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi menyokong dalam perbahasan atas Rang Undang-undang **ini**. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.54 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1994 adalah bertujuan untuk memperuntukkan saraan bagi Hakim Mahkamah Rayuan berikutan dengan penubuhan Mahkamah Rayuan di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Mahkamah Rayuan diletakkan di peringkat antara Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi dan merupakan tambahan satu lagi tatatingkat hiraki kepada struktur mahkamah yang sedia ada. Mahkamah Rendah diwujudkan untuk mendengar rayuan-rayuan daripada Mahkamah Tinggi. Dari segi organisasi, Mahkamah Rayuan terdiri daripada seorang Presiden dan 10 orang Hakim Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada tatatingkat hiraki mahkamah-mahkamah dan Hakim-hakim seperti yang ditentukan oleh Jemaah Menteri, saraan bagi Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-hakim Mahkamah Rayuan dicadangkan seperti berikut:-

Untuk Presiden Mahkamah Rayuan -

Gaji berpencen adalah	-	RM10,370
Elaun Keraian	-	3,150
Elaun Perumahan	-	2,500
Elaun Khas Kehakiman	-	<u>3,000</u>
Jumlah	-	RM19,020

=====

Untuk Hakim Mahkamah Rayuan -

Gaji berpencen adalah	-RM9,295
Elaun Keraian	- 2,900
Elaun Perumahan	- 2,250
Elaun Khas Kehakiman	<u>2,450</u>
Jumlah	RM16,865
	=====

Tuan Yang di-Pertua, untuk memeruntukkan saraan bagi Hakim Mahkamah Rayuan pindaan perlu dibuat kepada Akta Saraan Hakim 1971. Suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 telah disediakan untuk maksud tersebut. Fasal 2 Rang Undang-undang bertujuan meminda takrif Hakim untuk hirarki Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi dan termasuklah Ketua Hakim Negara, Presiden dan Hakim Besar.

Pindaan kepada Jadual Pertama Akta Saraan Hakim 1971 melalui Fasal 8 adalah bagi memeruntukkan gaji berpencen bagi Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-hakim Mahkamah Rayuan.

Pindaan kepada Jadual Kedua Akta Saraan Hakim 1971 melalui Fasal 9 adalah bagi memeruntukkan elaun keraian, elaun perumahan dan elaun khas kehakiman bagi Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-hakim Mahkamah Rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari gaji dan elaun adalah dicadangkan Presiden dan Hakim-hakim Mahkamah Rayuan juga diberi kemudahan dan kelayakan yang sama seperti yang sedang diberi kepada

Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi di bawah Akta Saraan Hakim 1971 dan pekeliling-pekeliling Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri.

5.57 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, ada dua-tiga perkara yang hendak saya sebutkan khususnya untuk soal hakim-hakim **ini**. Saya amat memahami iaitu bahawa satu peruntukan yang besar telah diberikan sebagai saraan bulanan kepada hakim-hakim kerana kita iaitu bahawa hakim-hakim ini merupakan orang-orang yang semestinya tersisih daripada masyarakat, kerana kalau mereka duduk dalam masyarakat kemungkinan keputusan yang akan dibuat oleh mereka itu akan banyak dipengaruhi oleh pandangan-pandangan yang datang daripada masyarakat yang di mana mereka berada bersama.

Oleh sebab itu, kita tengok saraannya begitu besar, Setiausaha Parlimen menyebut sebentar tadi iaitu bagi Presiden Mahkamah Rayuan, dia punya saraan bulanan termasuk elaun khas senuanya berjumlah RM19,000 tetapi saya rasa untuk mendapat gambaran yang sebenarnya, kita harus juga masukkan pembayaran untuk seorang butler dan seorang penjaga rumah dengan peruntukan sebanyak RM1,500. Jadi, sebenarnya, kalau kita tengok untuk Hakim Presiden Mahkamah Rayuan ini, total atau jumlah besar ialah RM20,520 sebab selalunya bagi kita kalau kita sendiri mempunyai servant ataupun tukang kebun kita bayar daripada wang saraan bulanan kita. Jadi, harus diambil kira juga RM1,500 yang telah diperuntukkan untuk membayar butler, tukang kebun dan penjaga rumah. Jadi, sebenarnya RM20,000 lebih. Tetapi kita faham bahawa hakim perlu diberikan gaji yang begitu banyak sebab kita tidak mahu dia dipengaruhi ataupun dia melibatkan dirinya di dalam aktiviti-aktiviti yang tertentu yang boleh mengkompromikan kedudukannya sebagai seorang hakim. Sebab itu, dia tidak dibenarkan berniaga, dia tidak dibenarkan membuat apa-apa juga jenis perniagaan yang boleh menyebabkan dia mengkompromi kedudukannya sebagai seorang hakim.

Jadi, saya memang memberi sokongan kepada satu saraan bulanan yang tinggi diberikan kepada hakim. Cuma satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini lazimnya saya lihat bahawa dalam perlantikan hakim-hakim ini ianya dibuat kadang-kala perlantikan yang dibuat itu tidak dibuat mengikut perlantikan dalaman. Maksud saya di sini ialah bahawa kita tengok kadang-kala banyak daripada hakim-hakim ini adalah dilantik daripada mereka yang telah mengamal sebagai peguam (practising lawyer).

Jadi, masalah yang berlaku di sini menyebabkan kehampaan yang akan berlaku di kalangan mereka yang berada dalam 'judiciary' sebab apabila ada kekosongan di atas tetapi perlantikan itu tidak dibuat menerusi perlantikan dalaman iaitu perlantikan daripada bawah - Majistret naik ke President Session Court dan seterusnya.

Apabila perlantikan hakim ini dibuat daripada kalangan luar daripada 'judiciary'¹ bermakna ini menyebabkan orang tidak ada insentif ataupun minat untuk melibatkan diri di dalam profesion untuk menjadi hakim. Sebab mereka lihat kalau mereka mula sebagai seorang majistret dan kalau dia hendak naik ke atas, dia tengok perlantikan jawatan yang tinggi itu dibuat luar daripada profesion mereka. Ini menyebabkan orang kurang minat untuk mengadakan kerjaya di dalam 'judiciary' sebab dia rasa tidak ada peluang.

Walaupun bayaran gaji hakim itu begitu tinggi tetapi bagi seorang yang mula daripada bawah seperti majistret, dia tidak ada harapan langsung sebab dia tengok banyak daripada perlantikan ini dibuat daripada luar. Daripada seorang peguam yang telah 'practise' undang-undang selama 20 tahun dilantik terus menjadi hakim. Jadi, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya hentikan perlantikan seperti ini kerana ia tidak langsung memberi galakan kepada orang yang mempunyai kelulusan undang-undang untuk menjadikan kerjaya mereka di dalam bidang undang-undang ini kerana 'disincentive' yang berlaku walaupun gaji hakim besar tetapi perlantikan itu dibuat di luar dari profesion hakim-hakim ini.

Jadi, saya ingin menyarankan supaya kita hentikan amalan ini kerana kita lihat banyak masalah majistret-majistret, President Session Court telah berhenti kerja kerana mereka melihat sendiri bahawa peluang untuk mereka panjat tangga kerjaya dalam 'judiciary' ini adalah tidak begitu menggalakkan kerana mereka tidak mempunyai peluang untuk menjadi hakim di satu masa nanti. Saya rasa perlantikan dalaman ini harus diamalkan untuk menggalakkan orang menjadikan kehakiman ini sebagai satu kerjaya mereka. Itu pertama.

Keduanya, saya ingin juga menyarankan sekiranya ia belum dilaksanakan dan disabitkan oleh kerana kita mahu melihat supaya hakim-hakim ini merupakan orang-orang yang benar-benar tidak terlibat dengan soal rasuah dan perniagaan; kita mahu pada tiap-tiap tahun, tiap-tiap orang daripada hakim, majistret, Presiden Session Courtnya hendaklah mengisytiharkan harta bukan sahaja bagi milik mereka tetapi juga harta keluarga yang terdekat, isteri mereka ataupun anak-anak mereka. Sebab saya bimbang, kadang-kala saya dengar banyak disebut-sebutkan iaitu ramai di kalangan hakim-hakim kita; tidak ramailah, ada sebahagiannya yang mempunyai aset yang begitu banyak, yang kita jangkakan kalau dikumpul segala wang daripada gaji bulannya tidak mungkin dia boleh mendapat aset begitu banyak.

Jadi, ini akan menyebabkan kita merasa ragu di atas neutrality, dengan izin, hakim itu disabitkan kerana kita merasakan bahawa tidak mungkin ia boleh mempunyai satu aset yang begitu banyak mengikut

tangga gaji yang patut dia dapat pada tiap-tiap bulan. Keraguan ini akan menyebabkan kita merasa mungkin di masa-masa yang lepas, banyak keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh hakim-hakim ini adalah dipengaruhi mungkin oleh faktor-faktor di mana mereka telah mendapat 'favour' atau sebagainya untuk membuat sesuatu keputusan **itu**.

Saya rasa Menteri, Timbalan Yang di-Pertua pun saya percaya terpaksa mengisytiharkan aset tiap-tiap tahun, dan kalau ini disyaratkan kepada Menteri, Timbalan Menteri dan juga mereka yang memegang jawatan dalam kerajaan untuk mengisytiharkan harta mereka pada tiap-tiap tahun, saya rasa hakim ada kesnya lebih berat supaya mereka ini mengisytiharkan aset mereka pada tiap-tiap tahun untuk kita pastikan supaya mereka akan remain neutral, dengan izin, dan kita mempunyai keyakinan di atas hakikat bahawa hakim-hakim kita adalah bersih. Kita juga mempunyai keyakinan sekiranya kes-kes kita didengar di hadapan mereka, tidak mungkin kita akan dianyai disabitkan oleh kerana hakim-hakim ini dipengaruhi oleh faktor-faktor luar yang telah memberikan mereka, dengan izin, favour yang tertentu, yang boleh menyebabkan mereka membuat keputusan yang memihak kepada satu pihak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya, ini juga oleh kerana kita menyediakan saraan yang begitu banyak kepada hakim kerana kita hendak dia 'remain neutral', supaya dia tidak ada masalah lagi. Masalah rumah - no problem sebab rumah **ada**. Masalah 'butler' - maklumlah hakim ini orang yang sibuk, hendak pakai dia punya 'robe',

dia punya 'wig' perlukan seorang 'butler', kita beri dia 'butler'. Kita beri dia 'servanc'. Tukang kebun pun kita beri, motokar dan driver. Jadi, kita mahu supaya dia 'neutral' dan tidak dipengaruhi oleh apa-apa faktor yang luar daripada sepatut yang dia tahu.

Jadi, oleh kerana itu saya juga ingin,menyarankan bahawa seseorang hakim itu semasa tempoh dia menjadi seorang hakim, dia tidak boleh dibenarkan untuk menerima apa-apa pelawaan untuk memberi 'public lecture' di mana dia terpaksa membuat satu pendirian atau pandangan. Sebab kalau dia dipanggil kepada satu 'public lecture' dan disuruh memberikan kuliah atas satu-satu perkara, maka dia terpaksa memberikan kuliah berdasarkan kepada pandangannya dalam satu-satu perkara **itu**. Ini yang membimbangkan kita sebab bila masuk dalam mahkamah dan dia menjadi hakim, kes yang sama dibawa dalam mahkamah **itu**, kita sudah tahu kerana dia sudah membuat satu pendirian secara umum berkenaan satu-satu perkara maka kita sudah rasa bahawa kalau kes ini dibawa, kita akan kalah disabitkan kerana dia sudah ada pendirian yang tertentu dalam satu-satu isu itu.

Saya percaya inilah masalah yang kita hadapi semasa Suffian menjadi Lord president, tidak silap saya, di mana dia telah dipanggil untuk memberi 'public lecture' berkenaan dengan perundangan di Malaysia dan dia telah membuat satu kuliah dan memberi pandangan **dia**. Apabila dia memberi pandangan secara umum maka hilang keyakinan di kalangan orang ramai bahawa dia

'neutral'. Sebenarnya sebagai seorang hakim, dia tidak boleh langsung memberi secara umum apa 'opinion' dia melainkan kalau dia membuat keputusan di dalam mahkamah setelah mendengar kes yang telah dibentangkan oleh counsel, dengan izin.

Jadi, sebab itu saya rasa oleh kerana kita ada pengalaman yang lepas di mana hakim-hakim ini dipelawa untuk memberikan kuliah umum dan dalam perkara itu dia terpaksa memberikan pandangan dia dalam isu-isu yang tertentu, ini telah menyebabkan keruhnya hubungan di antara kerajaan dengan mereka. Sebab itu saya berharap dalam kita menentukan berkenaan dengan elaun kerajaan dan saraan bulanan hakim-hakim ini, kita juga harus tentukan bahawa syarat-syarat untuk menjadi hakim ini di antaranya iaitu semasa mereka menjadi hakim, mereka tidaklah digalakkan atau dibenarkan langsung untuk menerima pelawaan atau undangan untuk memberi 'public lecture' kerana mereka merupakan orang yang seharusnya menjadi 'neutral' dalam isu-isu yang tertentu dan mereka hanya boleh memberikan pandangan dan pendirian mereka apabila dibawakan kes-kes tertentu di hadapan mereka di dalam bilik mahkamah mereka sendiri sahaja. Di luar daripada bilik mahkamah, dia tidak boleh beri pandangan.

Yang terakhir sekali, saya juga ingin berbicara berkenaan dengan gelagat bekas-bekas hakim ini yang mana kita tengok bahawa akhir-akhir ini bekas-bekas hakim yang mempunyai masalah dengan kerajaan bukan sahaja selepas dia bersara, tetapi semasa dia menjadi hakim pun dia sudah ada masalah. Saya tengok gelagat ini seperti orang tua yang nyanyuk dalam kes tertentu. Saya menyebutkan ini kerana kita tengok bahawa dalam beberapa kes yang dibawa oleh...

Timbalan Yang di-Pertua: Katalah perkataan nyanyuk itu tak parliamentary, apa perkataan lain yang lebih sesuai?

Datuk Haji Mahamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya minta maaf. Nyanyuk tak boleh pakai?

Timbalan Yang di-Pertua: Katalah tak parliamentary. Perkataan lain, apa yang sesuai?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pelupa, pelupa. Orang-orang tua yang pelupa....boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehlah tu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mereka pelupa.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat, boleh juga.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Nyanyuk pun boleh juga. Saya sahaja acah-acah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya akur dengan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kata tak boleh,

tak bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh. Silakan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mereka ini sudah jadi macam orang yang pelupa dan nyanyuk dan digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan politik peribadi orang. Sebagai contoh, saya tengok macam Datok Amir Kahar - dia mempunyai masalah dengan Kerajaan Negeri yang ada pada hari **ini**, mungkin dia tak puas hati sebab dia tidak sempat pun hendak jadi Timbalan Ketua Menteri, jadi dia marah. Apa yang dilakukan ialah dia mencari bekas-bekas hakim yang anti kerajaan untuk mengambil kes untuk melawan. Saya tidak hendak mempersoalkan masalah dia hendak ambil siapa. Dia hendak ambil Tuan R. Karpal Singhkah atau hendak ambil siapaa, tidak mengapa. Tetapi sebenarnya, kita hendak menjaga imej bekas-bekas hakim ini.

Sebab itu dalam perkara ini saya hendak sarankan iaitu di antara syarat yang hendak dikenakan kepada orang-orang yang hendak menerima jawatan sebagai hakim, di antaranya ialah selepas sahaja dia bersara, dia tidak boleh dibenarkan untuk, dengan izin, to be called to the bar untuk mengamal ataupun practise law. Saya rasa agak janggal bagi seseorang itu yang puluhan tahun duduk di atas meja seperti Tuan Yang di-Pertua ini - 30 tahun atau 35 tahun mendengar kes, kemudian apabila dia bersara, dia diberi kesempatan pula to be called to the bar, dengan izin, dan menjadi seorang peguam pula.

Jadi, apa maknanya kita memberikan pencen kepada dia kalau sekiranya dia mahu mengamal sebagai seorang practising lawyer? Saya rasa tidak kena bagi seorang yang pernah duduk di atas, kemudian hendak turun ke bawah pula dan berhujah. Sebab itu saya rasa di

dalam terma-terma atau terms, dengan izin, untuk menjadi seorang hakim, di antaranya kita kena syaratkan disabitkan kita memberikan dia pencen - bermakna bahawa dia tidak boleh lagi, dengan izin, to be called to the bar dan mengamal sebagai seorang practising lawyer, dengan izin, setelah dia pencen. Sebab it defits the purpose, dengan izin.

Jadi sebab itu saya hendak kerajaan memikirkan supaya dikenakan syarat iaitu bekas-bekas hakim tidak dibenarkan to be called to the bar. Kita sudah syaratkan bahawa umur dia bersara ialah 65 tahun. Jadi 65 tahun maknanya you rest selepas ini - sudah 65 years old, beri dia pencen, rehatlah!

Jadi, apa yang berlaku pada hari ini ialah, kerana dia marah dengan kerajaan disabitkan oleh perkara-perkara tertentu, kita bayar pencen dia lagi, selepas itu kita izinkan dia to be called to the bar, bawa kes lagi, lawan dengan kita. Saya rasa ini - anjing, dengan izin, orang putih kata, the dog will not bite hands that feeds the dog. Jadi kalau anjing, seekor binatang yang tidak menggigit tangan yang memberikannya makan, saya rasa hakim adalah seorang yang waras pemikirannya dan saya memang rasa tidak kena, dalam satu ketika dia menerima pencen daripada kita, dalam masa yang sama juga dia menerima duit daripada Pembangkang untuk bantai kita! So I think it is unethical! Macam mana? Hakim ini sepatutnya dia ethical - dia mesti ethical, dia menjaga ethic. Dia tidak boleh melibatkan dirinya dalam perkara-perkara yang seperti ini, yang ada conflict of interest.

Jadi, amat memalukan kalau seorang hakim yang telah menjadi hakim - maknanya kita memberikan penghormatan kepada dia untuk duduk

di atas, untuk menjadi hakim kepada perbicaraan yang berlaku di antara rakyat, tetapi akhirnya bila dia pencen, dia meletakkan dirinya lebih rendah daripada anjing. Sebab anjing pun boleh faham, dia tidak menggigit tangan orang.

Timbalan Yang di-Pertua: Pasal anjing ada top dog dan under dog.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, top dog. Mereka dahulu top doglah ini sebab dalam judiciary dia top dog, jadi bila dia top dog, dia pencen, dia jadi under dog. [Ketawa] Sebab dia pun bersara selepas 65 tahun, dia confused. Last year dia top dog; this year dia under dog, jadi dia confused, saya ingat.

Jadi saya hendak supaya kita pastikan supaya perkara ini jangan berlaku lagi. Ada dua orang hakim sekarang ini saya tengok beria-ia sangat. Saya pun sudah faham, hakim ini dahulu sama dengan arwah bapa saya - arwah bapa saya pun sudah meninggal. Kalau arwah bapa saya ini hidup, dia berumur 78 tahun. Jadi dia ini sudah 82 tahun. Buat apa dia 82 tahun lebih, dia hendak diheret ke Mahkamah kononnya dia hendak pertahankan Datuk Amir Kahar? Datuk Amir Kahar itu sudah frust seorang, sudahlah!

Saya hendak supaya kerajaan meraiikirkan supaya imej hakim dan bekas-bekas hakim, kita pastikan supaya mereka dalam terma-terma pekerjaan mereka disyaratkan bahawa mereka tidak boleh be called to the bar dan practise as a lawyer, dengan izin, apabila dia sudah pencen. Sebab kita sudah beri dia duit pencen semua, sudah bagus dan tidak ada sebab untuk dia melibatkan dirinya di dalam mahkamah lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah empat perkara yang hendak saya sebut dan saya sekali lagi menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah hendak bercakap? Tidak ada? Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

6.19 ptg.

Puan Kian Sit Har: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun di sini untuk memberikan sedikit pandangan tentang Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1994.

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1994 adalah satu pindaan yang patut diberi sokongan berserta dengan pandangan dari perubahan sikap yang positif dari pihak yang terbabit. Kita sedia maklum mahkamah adalah institusi yang unggul, tempat untuk mencari, menyelesaikan keadilan yang dituntut.

Dengan wujudnya keadilan dan kesaksamaan, maka sistem perundangan akan terus kekal dihormati dan berwibawa. Bagi memenuhi matlamat perundangan yang berteraskan keadilan dan keperimanusiaan, maka Mahkamah Rayuan diwujudkan. Para hakim yang mendengar kes-kes rayuan harus berpegang teguh kepada etika perundangan dan kebijaksanaan sendiri tanpa dipengaruhi oleh keputusan yang terdahulu.

Dengan cara ini keunggulan dan ketinggian wibawa mahkamah dan hakim yang berkenaan akan disanjung dan dihormati. Perundangan tidak kenal bangsa dan siapa. Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang. Pengwujudan Mahkamah Khas adalah contoh yang nyata. Mahkamah ini dipertanggungjawab untuk mendengar kes-kes salah laku yang melibatkan golongan Raja-Raja.

Kita berasa senang apabila diberitahu perbicaraan kes-kes yang tertangguh akan dipercepatkan. Di sini jelas kelihatan sikap prihatin dan komitmen mahkamah terhadap masyarakat dan negara. Dengan terlaksananya langkah ini, ia bukan sahaja menjimatkan masa malah kerjasama saksi dapat diperolehi dengan lebih senang. Segala butirnya dan maklumat masih boleh diingati jika dibandingkan dengan kes-kes yang tertangguh. Keadilan adalah keperluan kepada semua manusia sama ada kaya atau miskin. Percaturan mahkamah yang dimonopoli oleh golongan kaya adalah kurang sihat. Maka adalah disyor dan disarankan supaya Majlis Peguam di peringkat negeri menubuhkan Biro Bantuan Guaman untuk orang ramai. Biro ini selain daripada memberikan nasihat dan tunjuk ajar sekiranya perlu boleh membawa kes-kes orang yang kurang mampu ke mahkamah.

Akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1994. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi hendak berbahas. Jadi, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab. Silakan.

6.24 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan pandangan mengenai Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim 1971 dan kita berterima kasih kerana kedua-dua Yang Berhormat telah memberi pendapat yang bernas dan konstruktif untuk kegunaan kementerian.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz tadi telah menyentuh beberapa perkara. Oleh kerana kesuntukan masa maka saya tidak berhasrat untuk menjawab ke?emuanya tetapi ingin menjelaskan dua perkara. Yang pertama adalah mengenai perlantikan hakim. Kerana dalam pengetahuan Yang Berhormat bahawa perlantikan hakim sekarang adalah tidak mengikut perlantikan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Kehakiman yang sedang berkhidmat dalam Jabatan Kehakiman.

Ingin saya memaklumkan di sini bahawa pada keseluruhannya kebanyakan hakim-hakim yang dilantik adalah daripada Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan seperti mana mengikut peruntukan dalam Perlembagaan kita. Walau bagaimanapun, mereka juga yang dilantik daripada pengamal undang-undang adalah tidak begitu ramai. Ini seperti mana saya kata tadi adalah dibenarkan mengikut Perlembagaan kita.

Yang kedua, mengenai pengisytiharan harta. Tindakan pengisytiharan harta ini sedang diambil oleh Badan Kehakiman. Ini sekarang adalah sedang dibuat atas arahan Hakim Besar secara administrative dan ianya sedang berjalan. Saya berharap dengan tindakan sedemikian, maka imej kehakiman kita dalam negara ini masih utuh dan masih berjaya untuk menegakkan keadilan.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har juga telah menyentuh berbagai perkara khususnya berkait mengenai keadilan. Tetapi saya ingin menjawab mengenai satu perkara iaitu mengenai kes tertanggung. Memang Kementerian mengambil berbagai tindakan sejak beberapa tahun yang lepas termasuk menambahkan pegawai-pegawai sokongan dan menambahkan kemudahan-kemudahan yang boleh membantu kerajaan untuk menyelesaikan masalah tertanggung ini. Oleh yang demikian, maka kita dapat menyaksikan banyak masalah-masalah ini telah dikurangkan sekarang.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Semua perkara yang telah disentuh, isu-isu yang telah dibangkitkan tadi dan cadangan-cadangan yang bernas yang dibuat oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian dalam kita menjalankan tugas Kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

